

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 157 ● 11 - 17 MAC 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Sistem perparitan KL dibentuk semula



MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim turus turun padang meninjau situasi setelah dimaklumkan Kuala Lumpur banjir pada petang Isnin. Gambar: DBKL

BANJIR kilat yang membabit Lembah Klang dalam tempoh tiga bulan ini mendorong Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melantik pakar perunding untuk menjalankan kajian dalam mereka bentuk sistem perparitan bagi menampung peningkatan air hujan

yang banyak.

Apa yang penting, usaha yang dirintis Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi terutama DBKL adalah mencari jalan penyelesaian tuntas setelah mengambil kira kesukaran dihadapi mangsa banjir yang terpaksa

menanggung kerugian akibat kemasuhan harta benda.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dalam membahaskan usul mengenai banjir kilat tampil membantah dakwaan Ahli Parlimen Bukit Bintang, Fong Kui Lun

yang mengatakan DBKL tidak membersihkan longkang secara berkala, sebaliknya Shahidan menjelaskan bahawa kesemua 19 perangkap sampah di sungai-sungai di bandar raya ini dibersihkan setiap hari dan berada dalam keadaan baik.

BERSAMBUNG DI MUKA 2



KL dilanda banjir
=> 9, 10 & 11



Penjaja tamak,
penting diri
punca masalah
=> 14 & 15



Kawan >> 16
baik
disyaki
bunu
Tangmo

Kajian siap dalam masa 12 bulan

DARI MUKA DEPAN

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melantik perunding untuk mereka bentuk semula longkang-longkang di bandar raya ini supaya ia dapat menampung air hujan yang meningkat mendadak akhir-akhir ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, tindakan itu diambil bagi mempertingkatkan keupayaan longkang di bandar raya ini bagi menampung air hujan.

"Perunding telah diminta untuk menyiapkan kajian dalam tempoh 12 bulan," katanya di Dewan Rakyat pada Rabu.

Beliau berkata, inisiatif tersebut adalah sebahagian daripada rancangan jangka panjang Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk menangani masalah banjir kilat di Kuala Lumpur berasaskan *Annual Recurrence Interval* (ARI) 200 sebagai asas mereka bentuk semula keupayaan sungai di Kuala Lumpur.

Shahidan menafikan dakwaan Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang) bahawa DBKL tidak membersihkan longkang secara berkala, dengan menyatakan ia mempunyai 19 perangkap sampah di sungai-sungai di bandar raya ini yang dbersihkan setiap hari.

"Saya ingin menerangkan bahawa DBKL telah menyediakan 19 perangkap sampah terapung



SHAHIDAN ketika membahaskan usul mengenai banjir kilat yang berlaku di Kuala Lumpur pada Rabu. Gambar Pejabat Menteri WP

di sungai-sungai di Kuala Lumpur bagi menahan sampah daripada bahagian hulu sungai.

"Semua perangkap sampah ini diselenggara setiap hari. Bagaimanapun, apabila paras air sungai terlalu tinggi semasa hujan lebat, sampah-sampah yang ditahan di perangkap sampah sedia ada terlepas ke bahagian hilir sungai dan menyebabkan sampah-sampah tersebut tersangkut di tempat-tempat laluan air serta menjelaskan kelancaran aliran air," katanya.

Kuala Lumpur dilanda banjir kilat kali kedua dalam tempoh tiga bulan selepas hujan lebat meneng-

gelamkan ratusan kendaraan dan menyebabkan bekalan elektrik terputus pada Isnin, dengan beberapa jalan lebuh raya turut ditutup kepada lalu lintas.

Shahidan berkata, daripada 29 kawasan yang terjejas pada Isnin, air banjir surut dalam tempoh 30 hingga 45 minit di 25 kawasan manakala ia mengambil masa antara satu hingga tiga jam untuk surut di empat kawasan lain.

Ketika membahaskan titah-titah Seri Paduka Baginda di Dewan Rakyat pada Selasa, Teresa Kok (PH-Seputeh) menggesa Shahidan menyemak semula semua cadangan



DARIPADA 29 kawasan yang terjejas pada Isnin, air banjir surut dalam tempoh 30 hingga 45 minit di 25 kawasan manakala ia mengambil masa antara satu hingga tiga jam untuk surut di empat kawasan lain.

projek perumahan berkepadatan tinggi di bandar ini, dengan berkaita sistem perparitan itu tidak direka untuk menghadapi hujan lebat.

Dalam pada itu, beliau turut memaklum *Task Force* banjir yang terdiri daripada jabatan-jabatan dalaman DBKL serta JPS sentiasa mempertingkatkan pengawasan dan penguatkuasaan.

"Penyelenggaraan berkala iaitu pembersihan sungai di bawah tanggungjawab DBKL dilaksanakan tiga kali seminggu. Yang kedua, penyelenggaraan parit monsun telah dipertingkatkan dan kini parit-parit tersebut yang tersum-

bat dan rosak telah berkurangan.

"Kekerapan kerja-kerja pembersihan jalan dan longkang-longkang telah dipertingkatkan dengan kerjasama Tetuan Alam Flora Sdn Bhd," katanya.

Tambahnya, pihaknya turut menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap projek pembinaan yang melanggar syarat-syarat kelulusan telah dipertingkatkan bagi mengelakkan kejadian banjir lumpur dan penyelenggaraan dan penaiktarafan 'Drainage Outlet' yang rosak dan tersumbat sedang giat dilaksanakan. **WK**

KWP naik taraf sistem amaran awal kurangkan impak banjir

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) sedang meneliti keperluan untuk menaik taraf sistem amaran awal banjir sedia ada bagi memastikan warga kota bertindak lebih pantas untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda.

Timbalan Menterinya, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, pengurusan tertinggi kementerian akan mengadakan perbincangan bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berhubung perkara tersebut.

"Saya perlu berbincang dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur dan pengurusan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bagaimana untuk kita melihat sistem amaran banjir ini dapat dinaik taraf untuk mengurangkan impak kepada warga kota," katanya kepada pemberita selepas meninjau keadaan tanah runtuh di Seksyen 6, Wangsa Maju pada Selasa.

Menjelas lanjut, Jalaluddin berkata, apabila sistem amaran awal ini dinaik taraf, warga kota akan mendapat amaran awal mengenai kawasan atau berada di *hot spot* yang bakal berlaku banjir boleh mengambil tindakan awal termasuklah mengosongkan premis atau mengeluarkan harta benda.

"Walaupun sistem ini tidak boleh menjamin daripada tidak berlaku bencana banjir ini, dalam masa sama ia turut memerlukan



JALALUDDIN

satu pendekatan yang lain termasuklah projek tebakan banjir atau pembangunan sistem aliran air yang boleh menampung kapasiti air melebihi daripada biasa dan ini perlu dilakukan secara berfasa," katanya.

Menurut Jalaluddin, beliau sendiri sedang meneliti projek sistem perparitan yang lebih tersusun di Kuala Lumpur serta akan menuangkan satu jawatkuasa untuk membincangkan pelan jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi memastikan bencana banjir kilat tidak berulang.

"Walaupun banjir adalah satu malapetaka atau bencana, tetapi bagi pihak kerajaan terutamanya DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) bukanlah satu perkara yang tidak ada usaha atau langkah yang boleh kita buat," katanya.

Sementara itu, beliau turut mengarahkan kerja-kerja pembaikian rumah pam di Kampung Pasir Baru, Pantai Dalam yang tidak berfungsi sehingga menyebabkan air banjir naik dalam tempoh yang singkat menyebabkan penduduk sekitar tidak sempat menyelamatkan harta benda.

"Saya difahamkan ada komponen rosak dan ia akan diganti dengan *flood gate*, apa pun alasan, ia tidak sepatutnya dibiar berlanjut sehingga setahun dan DBKL diarahkan untuk membaiki kerosakan di kemudahan itu dalam tempoh sebulan," katanya. **WK**

Penguat kuasa berbagai agensi bantu penduduk selamatkan diri

AMARAN awal yang dikeluarkan agensi kerajaan membantu mengurangkan kesan kerugian kepada penduduk yang dilanda banjir kilat di ibu negara pada Isnin.

Beberapa mangsa yang ditemui berkata dengan amaran pantas itu, ia membolehkan mereka membuat persiapan segera, termasuk menyelamatkan dokumen penting dan barang elektrik daripada kerosakan.

Mereka turut memuji persiapan yang dilakukan di pusat pemindahan sementara (PPS) yang dikatakan dilengkapi segala keperluan asas.

Penduduk Kampung Pasir Baru di Jalan Klang Lama, **Norihah Mohd Isa**, 54, berkata dalam kejadian itu, dia melihat pasukan penyelamat sudah bersiap sedia dengan peralatan lengkap untuk memindahkan penduduk ke PPS di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Saraswathy iaitu terletak berhampiran walaupun air naik hanya melepas parpas buku lali.

"Mereka (anggota pasukan penyelamat) memberi amaran bahawa paras air Sungai Klang di belakang kampung ini semakin meningkat dan menasihatkan penduduk supaya bersia-sedia untuk berpindah.

"Apabila mereka berkata begitu, saya

mula mengemas barang penting seperti dokumen dan meletakkan peralatan elektrik ringan di tempat tinggi dan hanya peti sejuk, mesin basuh dan kerusi terkena air," katanya yang sudah menetap selama 30 tahun di kampung itu.

Seorang lagi penduduk yang dipindahkan ke PPS SJKT Saraswathy, Mokhtar Abd Rahman, 55, berkata, tindakan agensi berkaitan membuat persiapan awal telah mengurangkan tekanan yang terpaksa dihadapi mangsa banjir.

"Jika tidak, mangsa terpaksa melalui pengalaman yang sama seperti banjir pada Disember lalu," katanya.

Sementara itu, Rokiah Abdul Hamid, 60, yang menjadi mangsa banjir di Kampung Periuk, Kampung Baru di sini, berkata di kawasannya, anggota bomba dan kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengarahkan penduduk bersiap sedia untuk berpindah ke PPS.

"Mereka datang kira-kira 20 minit selepas hujan lebat. Selepas mereka memberi amaran, saya cepat-cepat mengemas barang-barang penting untuk menyelamatkan diri di tempat tinggi dalam rumah dan mereka turut membantu keluarga saya berpindah ke PPS," katanya.

Malaysia masuki fasa endemik mulai 1 April

Exit strategy untuk kembali normal

PERDANA Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan Malaysia akan memasuki fasa peralihan ke endemik mulai 1 April ini.

Ismail Sabri berkata, keputusan itu dibuat setelah mengambil kira pelbagai faktor, melakukan penilaian risiko, mendapatkan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta meneliti syor daripada Menteri Kuartet.

"Penting untuk saya maklumkan, fasa peralihan ke endemik ini merupakan 'exit strategy' untuk membolehkan kita semua kembali semula kepada kehidupan yang hampir normal selepas hampir dua tahun berperang dengan COVID-19."

"Fasa ini juga merupakan fasa sementara sebelum negara beralih ke fasa endemik yang mana ia tertakluk kepada pengumuman yang hanya boleh dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO)," katanya dalam sidang akbar khas di Parlimen pada Selasa.

Mengulas lanjut Ismail Sabri berkata, had waktu operasi bagi premis perniagaan turut dimansuhkan dan pemilik premis dibenar menjalankan waktu perniagaan mengikut syarat lesen masing-masing pada 1 April ini.



ISMAIL (dua kiri) ketika sidang media khas yang diadakan di bangunan parlimen pada Selasa lalu.

"Ini bermakna anda semua bolehlah makan di kedai makan selepas jam 12 tengah malam, terutamanya pada bulan Ramadan yang akan tiba tidak lama lagi. Bolehlah bersahur di luar.

"Namun pemakaian pelitup muka di tempat-tempat awam masih wajib dipatuhi oleh setiap individu.

"Pendaftaran kemasukan menggunakan MySejahtera juga masih diwajibkan dan hanya dikecualikan untuk kawasan terbuka, tidak sesak dan tiada perhimpunan orang ramai. Tambahan juga, MYSJTrace

dijadibkan untuk tempat tertutup yang dipenuhi pengunjung," katanya.

Dalam pada itu Ismail Sabri turut mengumumkan aktiviti solat berjemaah di masjid atau surau serta upacara sembahyang di rumah ibadat agama lain boleh dilaksanaan tanpa penjarakan fizikal.

Bagaimanapun katanya, pelaksanaan dan prosedur operasi standard (SOP) akhir untuk masjid dan surau tertakluk kepada ketetapan Pihak Berkusa Agama Negeri manakala untuk rumah iba-



dat agama lain tertakluk kepada Kementerian Perpaduan atau Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR).

"Sebelum ini, terdapat had kapasiti 50 peratus untuk aktiviti yang melibatkan perkumpulan ramai. Dengan pengumuman peralihan ke endemik, had tersebut akan dimansuhkan secara menyeluruh namun penjarakan fizikal masih dijalankan." WK

Mudahkan orang muda beli rumah PR1MA

INISIATIF Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) memperkenalkan skim pembelian inovatif wajar menjadi penanda aras untuk kerajaan dan pihak industri menyediakan akses kewangan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah PR1MA.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, inisiatif yang mesra pembeli ini pastinya dapat membuka lebih banyak peluang kepada lebih ramai Keluarga Malaysia khususnya golongan muda dan yang berpendapatan pertengahan untuk memiliki rumah PR1MA tanpa bimbang tentang pembiayaan perumahan.

"Saya yakin dan percaya bahawa inisiatif seperti ini membolehkan lebih ramai Keluarga Malaysia memiliki rumah sendiri."

"Ia termasuk mereka yang menghadapi masalah mendapatkan kelulusan pembiayaan dengan jaminan yang dikeluarkan oleh Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKB), sebuah syarikat milik penuh Kementerian Kewangan (MoF)," katanya ketika berucap dalam Majlis Penyerahan Surat Tawaran Residensi Larkin Indah di Johor Bahru baru-baru ini.

Hadir sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Marican Naina Marican, Menteri Besar Johor, Datuk Seri



SKIM tersebut selari dengan Aspirasi Keluarga Malaysia serta kempen Pemilikan Rumah, HOPE oleh KPPT.

Hasni Mohamad, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dan Pengurus PR1MA, Datuk Dr Fathul Bari Mat Jahaya.

Katanya, skim yang dilaksanakan itu adalah selari dengan Aspirasi Keluarga Malaysia serta Kempen Pemilikan Rumah, 'Home Ownership Programme' (HOPE) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT).

"Ini adalah antara isu penting yang dibangkitkan dan dibincangkan semasa mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik

Negara (MPMMN) baru-baru ini. Alhamdulillah kita sudah dapat melihat hasil daripada perbincangan tersebut.

"Usaha ini adalah selari dengan pengumuman yang dilakukan semasa Belanjawan 2022 tahun lalu di mana sebanyak RM2 bilion telah diperuntukkan kepada SJKB untuk melaksanakan amanat ini.

"Ini membuktikan komitmen kerajaan yang ingin melihat Keluarga Malaysia mendapat akses kepada pembiayaan perumahan seperti PR1MA dengan lebih mudah dan luas," katanya. WK

Wajib benar wanita mati suami bekerja dari rumah

KETUA jabatan dan pengurusan tertinggi semua organisasi dijawabkan membenarkan wanita yang kematian suami untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) dalam tempoh bersesuaian bagi membolehkan urusan keluarga serta peninggalan suami diselesaikan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengumumkan perkara itu yang menjadi antara enam inisiatif bagi memperkasakan wanita.

"Galakan untuk membenarkan wanita kematian suami bekerja dari rumah adalah kerana kita memahami kesedihan dan beban yang ditanggungnya dan mereka memerlukan masa untuk menguruskan hal berkaitan keluarga dan urusan selepas kematian pasangan."

"Ini kerana pemerkasaan wanita akan terus menjadi satu agenda penting negara dan agenda itu adalah tanggungjawab bersama semua pihak dan bukan hanya dipikul Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat."

"Dalam hal ini, saya ingin memuji peranan serta inisiatif yang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi dalam membantu membangun, memperkasa, mengiktiraf kebolehan dan sumbangsih wanita dalam pembangunan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Sambutan Hari Wanita 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Selasa malam.

Katanya, lima inisiatif lain adalah mengenai penubuhan Majlis Wanita Negara (BDPS), perujukan Rang Undang-undang Anti Gangguan Seksual (BPPS) dan memantapkan lagi peranan Institusi Hakam di bawah Mahkamah Syariah bagi membantu wanita yang sebelum ini menghadapi proses perceraian yang panjang.

Inisiatif memperkasakan wanita juga adalah melalui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dengan memperkenalkan Akta Pembiayaan Kewangan yang mana pihak bank boleh membuka akaun bank suami atas arahan mahkamah.

Menerusi akta itu, katanya, pihak bank dibenarkan membuat bayaran daripada akaun suami yang sudah dibekukan kepada isteri sekiranya isteri ada membuat tuntutan membabitkan wang ringgit di mahkamah. WK

Datuk Bandar kongsi idea SDGs dengan Duta Asing

DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkongsi idea mengenai kepentingan membentuk kerjasama mewujudkan Pelan Matlamat Pembangunan Mampan atau SDGs.

Beliau berkata demikian dalam pertemuan dengan Duta Norway, Duta Finland dan Duta Sweden yang diadakan di Kuala Lumpur pada Selasa.

Menurutnya Forum dan Pameran SDGs adalah platform yang tidak ternilai untuk berkongsi ilmu dan memacu kesedaran daran orang ramai tentang kepentingan SDGs.

"Selaras dengan Agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mencapai keamanan dan kemakmuran global untuk manusia dan planet ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membayangkan ibu negara kita sebagai sebuah bandar yang benar-benar mampan, boleh didiami, berdaya tahan, selamat dan inklusif untuk semua," ujarnya.

Jelas beliau Kuala Lumpur sepihama bandar utama lain sering kali berdepan dengan cabaran mengharungi kesan perubahan iklim, kemelesetan ekonomi, berkembangnya demografi dan yang terkini COVID-19. SDGs memainkan peranan penting, kerana ia membimbangi kita ke arah masa depan yang berdaya tahan," katanya.

Difahamkan, pendekatan Kuala



MAHADI (duduk dua dari kiri) bergambar bersama Duta Norway, Finland dan Sweden.

Lumpur terhadap SDGs adalah berdasarkan tiga teras asas iaitu sosial, ekonomi dan alam sekitar yang dicermin dalam penggabungan 17 SDGs dalam rancangan pembangunan kami, yang menerajui pertumbuhan mampan bandar kami.

Kata Datuk Bandar setiap wilayah, negara dan bandar, adalah unik dalam

cabarannya, dan oleh itu, memerlukan pendekatan yang bersasar.

"Kami berharap dapat menangani risiko perubahan iklim semasa dan masa hadapan dengan segera, sambil membentuk Kuala Lumpur menjadi lebih kondusif untuk pertumbuhan ekonomi dengan kawasan KL yang lebih sihat dan lebih bahagia," tambahnya. **WK**

PL sediakan 121 lot gerai bazar Ramadan

SEBANYAK 121 lot gerai bazar Ramadan di Pulau Bebas Cukai ini disediakan oleh Perbadanan Labuan (PL) yang bakal dibuka permohonan pada 19 Mac ini.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya, Rithuan Ismail berkata, selaras dengan keputusan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) membenarkan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan mengadakan penganjuran itu dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Katanya, dua tapak bazar yang telah diluluskan adalah *Labuan Walk* dan sekitar kawasan hotel lama (101 lot) dan Anjung Selera, Durian Tunjung (20 lot).

"Penentuan lot bazar akan ditentukan menerusi cabutan undi yang diadakan pada 19 Mac ini di kawasan Kompleks

NOTIS HEBAHAN
PERMOHONAN LOT BAZAR RAMADAN PERBADANAN LABUAN TAHUN 2022/1443 HIRAH
Perbadanan Labuan (PL) memberi peluang permohonan Lot Bazar Ramadhan PL bagi tahun 2022/1443 Hiyrah kepada semua warga PL. Cabutan dengan kelajuan segera yang berikut:

SURAT-SURAT PEMOHONAN

- *Pemohon memilih menggunakan Malaysia yang berjumlah 18 buah dan ke atas dan hendaklah hadir sendiri bagi bujuk penandatangan.
- *Percubaan pembatalan berikutkan berstata: menggunakan maklumat sebelumnya ketika pengajuan lesen/inter.
- *Bentukkan lot yang siap beroperasi serta tapak sebaik.

LOKASI

- Labuan Walk dan sekitar Kawasan Hotel Sistem Labuan (101 lot)
- Anjung Selera Tunjung (20 lot)

PENDAFTARAN DAN CABUTAN UNDI LOT

- Tarikh: 18 Mac 2022 (sebelah)
- Rasmi Pendeklarasi: 8 pagi hingga 11.00 pagi
- Cabutan Undi Lot: 11.00 pagi
- Tempat: Bung. Legor, Kompleks Sukan Labuan, Universiti Malaysia Labuan

JENIS LOT DAN KODAR BOLEHAN

- Klasifikasi Toko:
 - Kodar: RM100.00 / Lot
 - Deposit: RM100.00
- Regangan Lot: Bazar dijalankan secara fungsional sesuai hari pendeklarasi

Sebarang pertanyaan lanjut, hubungi Jabatan Pelepasan PL pada waktu pejabat di talian 087-452833, 087-452822 atau 087-452821

TARIKH: 03.03.2022

Sukan Air Antarabangsa Labuan," katanya ketika dihubungi *Wilayahku*, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Rithuan memaklumkan pihaknya hanya menerima permohonan dan membenarkan untuk

warganegara Malaysia sahaja.

"Kami hanya membenarkan rakyat Malaysia sahaja bagi mendaftar untuk proses pengundian dan hanya satu lot sahaja dibenarkan untuk seorang pemohon," katanya. **WK**

CERITA KEDAI KOPI

Pantau penjaja 'segera'

MELIHAT banyaknya gerai muncul di merata-rata tempat di Kuala Lumpur, kawan-kawan Kedai Kopi dapat merasakan minat berniaga semakin subur di kalangan warga kota sebagai sumber pendapatan.

Di sana sini kelihatan banyak kanopi didirikan dalam pelbagai saiz, bentuk dan warna, bagi pertandingan 'kanopi beragam'. Mungkin untuk menunjukkan kelainan untuk menarik pembeli.

Sementara kawan-kawan Kedai Kopi bangga dengan semangat berniaga di kalangan warga kota, kelihatannya seperti kehadiran gerai-gerai peniaga ini bagi tidak terkawal, dipacakkan sesuatu hati.

Memang di bawah Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberi kebebasan kepada peniaga mendirikan gerai atau kanopi di lokasi yang mereka pilih.

Syarat yang perlu dipatuhi ialah mendapat lesen daripada DBKL, tidak mengganggu pergerakan orang ramai dan kawasan parkir serta menjaga kebersihan. Juga gerai dan kanopi disimpan selepas berniaga.

Namun pertumbuhan banyak gerai atau kanopi penjaja ini menimbulkan persoalan kepada kawan-kawan Kedai Kopi adakah mereka ini semuanya memang peserta IWBB? Atau adakah mereka sekadar peniaga 'segera'? Melihat gerai IWBB didirikan, mereka pun ikut hendak berniaga.

Seelok-eloeknya buat peraturan agar gerai dan kanopi yang hendak didirikan mempunyai saiz yang seragam agar tidak nampak ada yang besar, ada yang kecil. Warna juga lebih baik jika diseragam.

Langkah melaksanakan IWBB memang baik untuk memberi peluang orang ramai berniaga. Tetapi janganlah sampai program yang baik ini mencatatkan pemandangan di ibu negara. Sebaliknya program itu seharusnya membantu menambah seri persekitaran.

Mengundilah dengan bijak

ESOK Sabtu 12 Mac 2022, para pengundi yang layak mengundi di Johor, akan keluar mengundi dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) ke-15 bagi memilih kerajaan negeri yang baharu.

PRN Johor diadakan setelah Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ismail berkenan membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 22 Januari 2022 untuk memberi laluan kepada PRN.

Sejumlah 2,574,835 pengundi layak mengundi, termasuk pengundi awal terdiri daripada anggota tentera dan pasangan serta anggota polis.

Sebanyak 239 calon akan bersaing untuk merebut 56 kerusi. Parti yang bertanding termasuk Perikatan Nasional (PN), Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH), Pejuang dan Warisan. Tidak ketinggalan juga calon Bebas yang turut mahu mencuba nasib.

Kawan-kawan Kedai Kopi mengucapkan selamat bertanding kepada semua calon serta selamat maju jaya. Segala usaha telah dilakukan bagi menarik pengundi melalui kempen dijalankan. Kini pengundi akan membuat pilihan.

Kepada pengundi pula, pergilah mengundi dalam suasana selesa dan minda tenang tanpa rasa tertekan untuk memilih calon pilihan. Ini adalah hak masing-masing selaras dengan prinsip demokrasi.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap apabila membina undi, lakukan dengan pertimbangan bijak dan matang, bukan menurut emosi. Setiap undi adalah penting dan amat bermakna bagi setiap calon yang bertanding. Oleh itu jangan sekali-kali cuba merosakkan undi.

Sementara setiap calon berharap akan menang, adat pertandingan ada yang menang dan ada yang kalah, tidak kira banyak mana pun perbezaan undi. Dalam pilihan raya juga ada calon yang berkemungkinan hilang wang pertaruhan. Mungkin juga ada kejutan, misalkan calon yang diduga menang tetapi kalah, dan sebaliknya.

Hakikat ini perlu dihayati dan diterima. Namun begitu jika menang jangan terlalu gembira dan mendabik dada. Jika kalah pula jangan terlalu berduka sehingga melimpah air mata. Cuba lagi di masa hadapan. Inilah harapan kawan-kawan Kedai Kopi.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosnidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com

Sabrina Sabre

sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annur
affandywilayahku@gmail.com

Fauzi Taib

adhamfaizi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Nooreeza Hashim
nooreeza.hashimwilayahku@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my



SUKARELAWAN KWP, DBKL dan YWP merentasi sempadan menyertai gotong-royong di Pusat Komuniti Taman Desa Rahmat, Johor Bharu yang diadakan bersempena Aspirasi Jelajah Keluarga Malaysia.



Sukarelawan WP zahir semangat Keluarga Malaysia

DIANA AMIR

SUKARELAWAN Wilayah Persekutuan yang terdiri daripada tiga sekawan iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menyinsing lengan dalam Program Gotong-Royong dan Kenduri Rakyat

di Taman Desa Rahmat, Johor Bahru.

Berinspirasikan Wilayah Persekutuan adalah cermin Malaysia, program bersempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia ini menzhahirkan semangat Keluarga Malaysia seperti yang didukung oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Dengan kekuatan seramai lebih 30 sukarelawan, aktiviti rewang bermula petang Jumaat dan diteruskan

dengan gotong-royong membersihkan serta mengacat Dewan Komuniti Taman Desa Rahmat serta pengagihan makanan.

Turut hadir Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Sukan, Belia dan Sukarelawan), On Jabbar@Ja'afar yang turut meluangkan masa mengagihkan makanan kepada penduduk setempat sejurus aktiviti gotong-royong tamat. **WK**



ON Jabbar (kanan) turut membantu membungkus makanan sebelum diedarkan kepada penduduk setempat.



GOTONG-ROYONG yang bermula pada pukul 9 pagi itu turut melibatkan penduduk setempat dan Southern Volunteer.



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

SEJAK lama dulu saya mengimpikan sebuah lorong buku di Kuala Lumpur. Kawasannya di jalan kecil atau lorong di tengah Kuala Lumpur yang di kiri dan kanan penuh dengan deretan kedai buku.

Secara mingguan atau bulanan ada acara perbukuan – bedah atau bincang buku dan macam-macam lagi berkaitan buku.

Acara begini lebih pada apresiasi terhadap buku yang menyimpan pemikiran besar daripada generasi kepada generasi. Tanpa lorong buku, isi kandungan yang sarat pemikiran ini akan berselerak dan tidak sampai kepada khalayak.

Malah pelancong juga tertarik dan selebihnya akan melihat buku-buku langka mengenai Malaysia dalam bahasa Inggeris.

Lorong buku ini mesti dikhususkan untuk buku terpakai. Barangkali ada bertanya, kenapa buku terpakai dan bukan buku baharu? Dalam dunia perbukuan, definisi buku terpakai bukan 'barang lama' yang susut nilai. Sebaliknya sesetengah buku semakin lama semakin bernilai isi kandungannya.

Memasarkan semula buku terpakai adalah memberi peluang kepada khalayak mendapatkan buku-buku yang lama diterbitkan dan masih relevan dengan keadaan semasa. Buku terpakai mempunyai peminat yang ramai, kini mereka hanya bergantung mendapatkan melalui pemasaran di media sosial.

Buku adalah satu benda yang tidak pernah luput tarikhnya. Ilmu dan pemikiran dalam buku sentiasa relevan dengan semua zaman dan bentuk perubahan sosial dalam masyarakat.

Walaupun sesetengah buku terpakai berkeadaan uzur, tetapi harga sesetengahnya berganda berbanding buku baharu.

Di mana peminat buku hendak mendapatkan buku langka seperti itu? Kedai buku biasa tidak menjual buku terpakai kecuali Junk Book Store di Jalan Tun HS Lee di Kuala Lumpur. Ini kedai buku terpakai terbesar di negara ini.

Selain itu tidak ada kecuali deretan kedai buku terpakai yang diusahakan oleh pertubuhan Kota Buku Bangi, di Street Mall, Bangi Gateway, Bangi. Kota Buku Bangi menjadikan Street Mall sebagai lubuk buku terpakai terbesar di negara ini. Ada lebih 10 kedai yang menjual buku terpakai dalam pelbagai genre.

Ini adalah ciri-ciri lorong buku yang saya impikan di Kuala

Mengimpikan lorong buku di Kuala Lumpur



LEBIH 30 tahun angka usianya, kedai buku terpakai Junk Book Store masih gagah menaungi Jalan Tun HS Lee, Kuala Lumpur.

Lumpur.

Langkah meriahnya kalau usaha Kota Buku Bangi ini dikembangkan ke Kuala Lumpur kerana sudah ada lebih 10 penjual yang merintis satu konsep lorong buku walaupun skalanya agak kecil. Kegiatan seperti ini menuntut iltizam daripada pelbagai pihak terutama kerajaan untuk membantu di segi prasarana.

Lorong buku bukanlah suatu yang baru di bandar-bandar besar di luar negara. Hampir semuanya mempunyai lorong buku atau kawasan khusus menjual buku terpakai yang bukan sahaja dikunjungi oleh orang tempatan, malah pelancong dari luar negara.

Konsep pelancongan buku (*bibliotourism*) telah lama dilakukan di luar negara. Industri pelancongan turut digerakkan oleh dunia perbukuan yang unik selain kedai-kedai buku yang bertaraf mega. Peminat buku dari seluruh dunia akan mencari lorong buku sebelum membeli belah.

Lorong buku menjadikan sesebuah bandar atau bandar raya berdiri dengan semangat dan jiwanya yang tersendiri apabila kegiatan yang dianjurkan di sekitarnya menjurus pada yang mengayakan pemikiran.

Kuala Lumpur perlu mempunyai jiwa dan semangat sedemikian dengan kegiatan yang seperti ini, selain acara menjurus gaya hidup hedonisme dan hiburan.

Di London misalnya, antara tempat wajib dikunjungi oleh

peminat buku dari seluruh dunia ialah Cecil Court.

Di situ merupakan kawasan buku terbesar di London yang menempatkan deretan kedai buku di kiri dan kanan lorong pejalan kaki. Saban hari lorong itu sesak dengan orang ramai, sebahagian besar peminat dan pemburu buku.

Peminat buku akan 'mabuk' apabila berada di lorong ini, hampir sebuah bidang buku ada di situ. Tidak semestinya membeli, melihat suasana sambil menikmati aroma buku pun sudah sangat cukup.

Cecil Court menjadi agenda utama peminat buku apabila berada di London, seperti sesetengah orang Malaysia yang teruja membeli belah sakan di Oxford Street.

Cecil Court merupakan lorong buku yang menghubungkan Charing Cross Road dan St. Martin's Lane, satu-satunya laluan pejalan kaki yang paling dekat untuk ke Leicester Square.

Di kiri dan kanan lorong pejalan kaki ini penuh dengan lot-lot kedai di bangunan yang didirikan pada abad ke-19.

Malah kedai buku tertua di Cecil Court, Watkins Book yang mula beroperasi pada 1901 masih teguh berdiri. Secara tidak langsung menjadi ikon lorong buku yang paling besar lagi berpengaruh ini.

Tatkala berdiri di tengah-tengah lorong buku ini, kita pasti berada kerdil dalam tradisi perbukuan yang besar di negara orang.

“ Lorong buku bukanlah suatu yang baru di bandar-bandar besar di luar negara. Hampir semuanya mempunyai lorong buku atau kawasan khusus menjual buku terpakai yang bukan sahaja dikunjungi oleh orang tempatan, malah pelancong dari luar negara.

Sebenarnya mewujudkan lorong buku bukanlah suatu yang membebankan, apa lagi pembaziran. Usaha begini digerakkan dengan iltizam yang tinggi daripada kalangan pembuat dasar dan pihak berkuasa yang bertanggungjawab ke atas pembangunan manusia.

Buku adalah satu-satunya bahan bacaan yang merentas garis sosial, agama, bahaman politik dan budaya. Semua mereka dalam kelas sosial ini perlu membaca buku.

Ini menunjukkan buku suatu yang sangat demokratik sifatnya. Boleh diakses oleh semua lapisan – sama ada yang sarapan di hotel lima bintang atau di gerai teh tarik di kaki lima.

Memang benar dalam konteks lorong buku Malaysia khususnya Kuala Lumpur sudah terlambat dan ditinggal jauh di belakang bandar raya yang lebih kecil.

Tetapi kalau tidak dimulai sekarang, terlambat dan ketinggalannya menjadi berganda. Lorong buku mesti dimulai, biarpun pada skala yang kecil.

Memanglah agak malu apabila Kuala Lumpur berada di belakang bandar raya Ho Chi Minh di Vietnam yang sudah lama mewujudkan Saigon Book Street.

Lorong buku ini memperlihatkan

iltizam kerajaan untuk membudayakan masyarakat dengan buku.

Walaupun ekonominya agak di belakang Malaysia, tetapi iltizam kerajaan membangunkan hal-hal yang berkaitan keperluan manusia jauh lebih di depan.

Malah prasarana Ho Chi Minh sendiri tidak sehebat Kuala Lumpur. Tidak banyak bangunan yang tingginya mencakar awan seperti Kuala Lumpur.

Tetapi yang lebihnya di sana ada lorong buku walaupun bukan projek mega yang menelan belanja besar. Ini projek membina manusia.

Saya menjangkakan lorong buku di Kuala Lumpur tidak menelan belanja yang sangat besar. Kalau boleh buat seperti Saigon Book Street pun sudah baik.

Tetapi tidaklah membayangkan Kuala Lumpur akan ada kasawan buku seperti Cecil Court, di London atau Palasari, di Bandung. Itu terlalu besar bagi Kuala Lumpur yang belum bermula.

Diharapkan lorong buku di Kuala Lumpur bukan selamanya sebuah mimpi. Bagaimanapun ini hanya catatan kecil daripada warga biasa tiada kuasa. Kepada yang mempunyai kuasalah kata putusnya.

SAJAK

SAKSAMA BERSAMA

Hari ini heboh satu dunia menyebut namamu
Hari ini penuh di media sosial ucapan buatmu
Siapa kamu?
Kenapa kamu?

Akulah WANITA!
Sebagai anak, ku hormati ibu dan ayahku,
Sebagai kakak, ku jagai adik-adikku,
Sebagai isteri, ku sayangi pasanganku,
Sebagai ibu, ku asuh anak-anakku,
Sebagai pekerja, ku lunaskan tanggungjawabku.

Apa istimewanya aku?
TIADA TIADA TIADA
Owh aku silap....

Kita punyai...
Khadijah, Aishah, Mashitah dan ramai lagi...
Mereka insan mulia di sisi Allah,
Mereka simbolik wanita kental
Mampukah kita seperti mereka?

Bijaknya wanita hari ini bukan kerana celupar,
Takunnya wanita hari ini bukan kerana miskin,
Tetapi semangat juang saksama Bersama
Tiada yang tinggi, tiada yang rendah
Bandingan lelaki dan wanita hari ini
Mari Bersama beriringan melatar kejayaan
Demi kelangsungan keluarga, ekonomi, sosial
dan pembangunan negara.

SELAMAT HARI WANITA.

Mona AG

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Tangani warga asing di pasar borong

GEMPUR habis-habisan sehingga warga asing tidak berani lagi untuk menjajakan kaki mencuri peluang bermiaga atau bekerja di Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL) hingga mengganggu peniaga berlesen di dalam pasar berkenaan.

Juga lakukan pemantauan sepanjang masa untuk memastikan mereka tidak cuba meloloskan diri dengan pelbagai cara atau alasan mengaburi mata pihak berkuasa untuk dapat bermiaga.

Ini harapan Adi kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang kini bersungguh-sungguh menggempur peniaga asing yang terus bekelarian di PBKL, seperti dilaporkan *Wilayahku* minggu lalu. Adi sokong usaha DBKL membanteras kelompok ini bagi membersihkan PBKL.

Sebenarnya DBKL telah melaksanakan tindakan berterusan bagi membanteras peniaga asing ini. Namun mereka tidak serik datang kembali. Ada sahaja muslihat dan cara mereka lakukan agar pergerakan mereka sukar dihidu oleh pihak berkuasa.

Semua tindakan dan operasi yang dijalankan oleh DBKL adalah sejajar dengan syarat yang ditetapkan dalam peruntukan Undang-Undang Kecil (UUK) Pasar Borong Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2002. Peruntukan tersebut menetapkan warga asing tidak dibenarkan bermiaga atau bekerja di dalam PBKL. Peraturan ini tidak berubah hingga kini.

Pada masa sama DBKL juga telah membuka permohonan lesen baru bagi premis perniagaan di sekitar Pusat Bandar Utara sebagai mengawal kegiatan warga asing yang didapati bermiaga di kawasan tersebut.

Di samping itu, surat tunjuk sebab dan kompaun juga dikeluarkan kepada pemegang lesen yang mengambil pembantu atau pekerja bukan warganegara tanpa permit kerja yang sah. Ini pun satu masalah apabila warga tempatan sendiri memberi muka dan memberi ruang kepada warga asing. Mereka juga wajar diambil tindakan.

Bagi Adi, amat wajar sekali gerak gempur dan pemantauan dilakukan bagi menyisihkan peniaga asing yang tetap berdegil masih cuba menyusup ke pasar borong walaupun mengetahui ia tidak dibenarkan dan menyalahi undang-undang.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim juga telah melakukan lawatan mengejut ke Pasar Harian Selayang (PHS) berikutnya aduan orang ramai, terutama peniaga tempatan.



PASAR Borong Kuala Lumpur perlu bersih daripada pekerja asing tanpa izin.

Beliau telah memberi arahan tegas kepada DBKL untuk memastikan tiada peniaga asing bermiaga sewenang-wenangnya di kawasan tersebut.

Walaupun pelbagai tindakan diambil kepada peniaga asing sebelum ini, nampaknya itu sama sekali tidak menakutkan mereka. Kerana itulah pihak berkuasa perlu membuat tindakan pantas, tegas dan tuntas, atau *once for all*, mengatasi masalah ini. Ia tidak seharusnya dibiarkan berlarutan.

Sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kehadiran peniaga dan pekerja asing ini berjaya dibendung. Pihak DBKL menguatkuaskan larangan warga asing bermiaga atau bekerja di PBKL dan PHS untuk memberi peluang kepada rakyat tempatan yang terjejas atau hilang pekerjaan akibat COVID-19 untuk bekerja di dalam sektor tersebut.

Warga asing seharusnya tidak lagi menjengah ke PBKL dan PHS setelah pelbagai amaran dan tindakan diambil. Namun memetik laporan *Bernama* baru-baru ini, PBKL dan PHS kembali menjadi tumpuan warga asing

menjalankan perniagaan secara haram.

Kebanyakan mereka dilihat menjual sayur-sayuran, buah-buahan dan barang basah di PHS, juga di deretan bangunan dua tingkat berdekatan PBKL. Kawasan ini seolah-olah sudah menjadi 'perkampungan' mereka kerana ramainya yang bertumpu ke situ.

Sebenarnya kawasan PBKL dan PHS sebelum ini sudah beberapa kali digempur oleh pihak berkuasa dan pernah dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKDP) akibat kes jangkitan COVID-19 yang tinggi tahun lalu di kalangan warga asing. Namun mereka tetap keras kepala datang bermiaga. Pada Adi, ini menampakkan kedegilan dan terang-terang mencabar pihak berkuasa. Bermacam helah mereka gunakan untuk mengaburi mata pihak berkuasa seperti menghilangkan diri ketika pemeriksaan, dan datang balik apabila pemeriksaan selesai.

Ada pula pemegang lesen warga tempatan dikatakan membenarkan peniaga asing bermiaga di gerai mereka

“Bagi Adi, amat wajar sekali gerak gempur dan pemantauan dilakukan bagi menyisihkan peniaga asing yang tetap berdegil masih cuba menyusup ke pasar borong walau pun mengetahui ia tidak dibenarkan dan menyalahi undang-undang.”

dengan bayaran tertentu. Apabila pemeriksaan dilakukan pihak berkuasa, mereka segera berada di dalam gerai seolah-olah mereka yang menjalankan perniagaan. Selepas itu hilang dan penyewa warga asing mengambil tempat.

Ada pula peniaga asing yang bertindak mengubah lokasi perniagaan ke bangunan kedai yang terletak di antara sempadan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Tujuannya mengaburi mata pihak berkuasa. Namun Adi percaya taktik ini semua sudah 'di dalam poket' pihak berkuasa.

Dalam hal ini Adi sarankan pihak DBKL dan MPS menjalankan operasi bersama dan saling bekerjasama bagi memastikan mereka yang terlibat dengan kegiatan ini tidak terlepas daripada tindakan undang-undang.

Peniaga warga asing ini boleh hidup atau *survive* tentulah kerana sokongan pembeli. Ramai pengunjung ke PBKL dan PHS, majoritinya warga tempatan, bersedia membeli barang jualan peniaga asing. Mungkin harganya lebih murah. Namun sikap dan minda pembeli ini perlu diubah.

Sebaliknya sokonglah peniaga tempatan, belilah daripada mereka. Mereka ini membayar lesen untuk bermiaga berbanding peniaga asing yang tidak membayar apa-apa, bermiaga secara percuma dan bertapak di mana-mana mereka suka.

Ramai peniaga tempatan merungut perniagaan mereka terjejas akibat saingan peniaga asing. Janganlah sampai mengutamakan perniaga asing sehingga peniaga tempatan menerima akibat.

Namun malangnya, terdapat pula warga tempatan yang tidak jujur, menyewakan lesen kepada peniaga asing dengan bayaran tertentu. Perbuatan ini sangat tidak bertanggungjawab. Lesen diberi untuk mereka mencari rezeki tetapi mengambil jalan mudah memperoleh wang dengan meyewakkannya.

Peniaga seperti ini tidak harus dikasihani

dan perlu diambil tindakan tegas. Batalkan sahaja lesen kerana ternyata mereka bukan sebenarnya jujur mahu bermiaga tetapi memperoleh pendapatan atas angin.

Sebaliknya berilah lesen kepada yang benar-benar mahu bermiaga sebagai sumber pendapatan. Jangan dibiarkan peniaga yang hanya nama tertera di atas lesen tetapi tidak beroperasi. Sikap ini merosakkan nama baik peniaga lain yang patuh kepada syarat pemberian lesen.

Adi juga ingin cadangkan pihak berkuasa jika melakukan operasi, janganlah datang beramai-ramai dengan lori atau beruniform sehingga segera menarik perhatian ramai. Akibatnya peniaga warga asing sempat lari menyembunyikan diri.

Buatlah pemantauan sepanjang masa seolah-olah seperti salah seorang pengunjung pasar misalnya. Perlu diingat peniaga asing ini juga ada *informer* yang memberi maklumat mengenai operasi pihak berkuasa. Kerana itulah kerap kali mereka dapat memboloskan diri ketika operasi dijalankan.

Dalam usaha mencapai matlamat membersihkan PBKL dan PHS daripada dicerobohi peniaga asing, tidak harus ada tolak ansur. Jangan dibiarkan isu ini berterusan tanpa noktah.

Adi-Sokong peniaga tempatan

Ali Faizah

SAJAK

GEGAR YANG MENGETAR ITU

Sekian lama sembunyi diri gegar itu kembali menggetar ada yang terjaga dari ketiduran mendongak awan mencari diri yang hilang diusap dada yang kosong kira usia masih berlanjut.

Dahulunya, akhir Disember yang pilu gegar itu pernah menggetar pelusuk buana terpana takdir yang tertulis menyimpan cerita sendu.

Apakah di waktu mendatang gegar yang menggetar itu akan kembali bertandang mengirim irama yang sama atau menghantar nada lebih keras?

Gegar yang menggetar itu melontar peringatan kecil usah lagi mengumpul dosa dan saling berebut kuasa khuitir tak mampu berpatuh balik.

Mohd Salleh Osman
Presint 16, Putrajaya

SKETSA



Rawat sebelum melarat

YWP seru sertai pemeriksaan percuma

AINI MAWAWI

PENDUDUK Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) digalakkan mengambil peluang turut serta dalam Program Pemeriksaan Kesihatan Percuma PeKa B40 yang memberi fokus terhadap penyakit tidak berjangkit (NCD).

Program inisiatif kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui anak syarikat ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (*ProtectHealth*) turut menjalin kerjasama dengan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dari segi hebatan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, penduduk PPR/PA perlu mengambil peluang dan kesempatan untuk kemudahan yang

disediakan.

"Program ini adalah suatu yang bagus. Jika di luar kos untuk menjalani pemeriksaan kesihatan secara spesifik agak mahal. Jadi, apabila ada peluang keemasan seperti ini, saya rasa wajib gunakan kesempatan tersebut."

"Apatah lagi, penduduk tidak perlu keluar daripada kawasan perumahan. Mereka cuma perlu turun ke dewan dan pihak kesihatan akan menjalankan pemeriksaan secara percuma," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Program yang telah pun berlangsung sebanyak dua siri tersebut bakal diadakan sekurang-kurangnya tiga siri dalam sebulan di lokasi PPR/PA yang berlainan.

"Kita akan adakan lebih kerap untuk memastikan dalam tahun ini semua PPR/PA dapat turut serta. Namun semuanya ber-



ZAIZALNIZAM



PENDUDUK PPR/PA mengambil peluang menjalani pemeriksaan secara percuma.

gantung pada keadaan daripada semasa ke semasa.

"Pemeriksaan ini tidak terbuka kepada semua. Setiap kali singgah ke kawasan tersebut, kita akan

menjemput penduduk dari kategori B40 iaitu penduduk yang layak untuk mendapatkan pemeriksaan dan saringan tersebut," ujar beliau.



ADUAN

DBKL

Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8000 8000

Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600

Aduan : 087-408852



Wilayahku

WhatsApp

: 011-5958 7489

Terdahulu, antara manfaat Program Pemeriksaan Kesihatan Percuma PeKa B40 adalah saringan kesihatan percuma, bantuan alat perubatan sehingga RM20,000, insentif melengkapkan rawatan kanser sebanyak RM1,000 dan insentif tambang pengangkutan sehingga RM1,000. **WK**

Kelab Anak Muda Bandar Tun Razak dekati warga B40

DIANA AMIR

PANDEMIK COVID-19 yang masih melanda negara serta kenaikan harga barang pastinya memberi impak besar terutama kepada golongan B40.

Bagi meringankan beban yang dipikul, Kelab Anak Muda Bandar Tun Razak turun padang menyampaikan bantuan kepada penduduk

Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Mulia serta Pangaspuri Sri Penara.

Pengerusinya, **Fitri Ramli** berkata penyampaian bantuan yang telah dilaksanakan pada 1 Mac lalu adalah khusus buat golongan B40.

"Semua penerima adalah daripada golongan B40 di mana suaminya bekerja sendiri dan mempunyai pendapatan kurang

RM2,000.

"Kebanyakan bantuan yang diberikan adalah kepada pasangan yang baru sahaja mendapat anak pertama. Ini kerana golongan ini baru sahaja menerima pertambahan ahli keluarga dan memerlukan agak banyak belanja," katanya kepada *Wilayahku*.

Jelasnya sebanyak 100 paket *pampers* dan juga susu telah disumbangkan kepada penduduk di dua kawasan perumahan yang telah dipilih.

"Bagi jumlah keseluruhan, peruntukan hanya untuk *pampers* iaitu sebanyak RM4,200 manakala susu, kami mendapat tajaan daripada *The Lost Food Project*, tambahnya sambil berkata bantuan seperti ini adalah program tahunan bagi kelabnya itu.

Fitri berkata program ini turut mendapat kerjasama daripada pihak Persatuan Penduduk PPR Taman Mulia.

Ujarnya lagi diharapkan pada masa akan datang lebih ramai pihak yang membantu warga wilayah yang terjejas pendapatan.

"Saya amat berbesar hati sekiranya terdapat mana-mana pihak yang ingin turut bersama Kelab Anak Muda Bandar Tun Razak dalam membantu masyarakat setempat terutama keluarga B40 dan

asnaf yang terjejas akibat pandemik melanda.

"Dengan bantuan kita yang tidak seberapa sekurang-kurangnya dapat membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup dalam keadaan yang tidak menentu ini."

"Kadang-kadang mereka ini tidak tahu arah untuk meminta pertolongan. Lebih menyedihkan

mereka terpaksa berdiam diri kerana tidak mahu menyusahkan orang lain.

"Diharapkan juga program seperti ini dapat dilakukan dengan lebih kerap di seluruh kawasan PPR sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam memastikan mereka yang terjejas dapat meneruskan kehidupan dalam keadaan baik," katanya. **WK**



FITRI (kanan) bersama Pengurus Persatuan Penduduk PPR Taman Mulia (kiri) menyampaikan bantuan *pampers* dan juga susu kepada golongan B40 di dua kawasan terpilih, baru-baru ini.

FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA 2022

SEWAAN TAPAK NIAGA DIBUKA!

Lokasi: DATARAN PUTRAJAYA

Tarikh: 31 Mac 2022 sehingga 3 Mei 2022

Masa: 10 pagi sehingga 12 malam

Lebih 200 gerai jualan dan kehadiran artis tanah air

Majlis berbuka puasa bersama rumah-rumah kebajikan dan anak-anak yatim

Pelbagai aktiviti menarik dan cabutan Bertuah

Untuk sebarang pertanyaan dan penyertaan, sila hubungi: 010-263 3514 (Ezze) / 012-350 5861 (Pn. Ameera)

Diuruskan oleh ANS Diversified Sdn Bhd

REALITI KEHIDUPAN



11 - 17 MAC 2022 . BIL 157

Wilayah Ku

KL DILANDA BANJIR

TIBA-TIBA petang Isnin, laman media sosial pengguna telefon pintar di Lembah Klang dibanjiri video dan gambar, hujan lebat serta ribut petir kira-kira jam 3 petang menenggelamkan beberapa kawasan jalan raya dan perumahan.

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) mengesahkan kejadian tersebut menyebabkan sembilan jalan utama di sekitar ibu

kota mengalami kesesakan lalu lintas susulan banyak kenderaan ditenggelami air. Antara kawasan yang teruk terjejas ialah Jalan Kuchai Lama, Jalan Tun Razak, Jalan Raja Laut, Jalan Sultan Ismail menghala ke Jalan Ampang, Jalan Lebuh Ampang, Taman Salak selatan, Taman U-Thant, Taman Sri Petaling dan Jalan Cheras Batu 2 1/2.

Ribuan kenderaan terperangkap dalam banjir

kilat. Skuad Penyelamat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta agensi penyelamat lain bergegas ke lapangan membantu mangsa-mangsa yang terperangkap. Skuad Kumbang DBKL membuang sampah yang tersumbat di longkang dan parit. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dikeharkan ke Kampung Baru bagi memindahkan penduduk ke pusat pemindahan sementara (PPS)

Kelab Sultan Sulaiman.

Dua kawasan perumahan iaitu Kampung Periuk dan Kampung Pasir, Kampung Baru turut dinaiki air setinggi tiga meter.

Wartawan bersama jurufoto Wilayahku meninjau keadaan semasa mangsa banjir kilat di PPS Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, pada Selasa. Ikuti kisah mereka.

BERSAMBUNG DI MUKA 10, 11



Sistem perparitan KL diteliti semula Bukan isu kolam takungan



HAZIRAH HALIM

TABURAN hujan selama dua jam yang menyamai jumlah untuk tempoh kira-kira dua minggu pada Isnin lalu menyebabkan sistem perparitan sedia ada tidak dapat menampung kapasiti aliran air.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata paras air sungai pada hari kejadian adalah rendah dan sepatutnya tiada masalah untuk salirkan air tersebut ke sungai.

"Melihat perkara itu, seharusnya sistem perparitan di Kuala Lumpur ini diteliti semula meskipun kita sudah cuba sebaik sahaja membinanya dahulu."

"Kebiasaan banjir di sini ialah air lalu dan mengambil masa enam sehingga 11 jam untuk surut dan secara dasarnya sistem perparitan kita mampu menampung perkara ini tetapi dalam jangka masa panjang sudah pasti ianya tidak dapat tumpang dengan aliran air yang cepat juga tinggi," katanya kepada pemberita selepas tinjauannya di pusat pemindahan sementara (PPS) Kelab Sultan Sulaiman pada Selasa.

Terdapat enam Kolam Takungan Banjir di Kuala Lumpur di bawah Jabatan Pengairan Saliran (JPS) yang telah dibangunkan bagi tujuan tebatan banjir, iaitu Kolam Batu, Kolam Nanyang, Kolam Batu 4 ½, Kolam Delima, Kolam Taman Wahyu, dan Kolam Taman Desa.

Semasa kejadian banjir kilat pada 7 Mac 2022 semua enam kolam takungan banjir tersebut berfungsi. Malahan, kolam-



SHAHIDAN bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur meninjau keadaan banjir di ibu negara.

kolam tersebut telah berfungsi dengan kapasiti yang mencukupi bagi menampung air hujan serta telah beroperasi mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

Bagaimanapun, Jabatan Pengairan Saliran memberitahu terdapat sebuah Kolam Takungan Banjir dibawah Jabatan Pengairan Saliran iaitu Kolam Takungan Banjir Boyan di Sungai Bonus yang didapati tidak dapat menampung air hujan yang di luar kapasiti kolam tersebut dan menyebabkan berlakunya limpahan air dari kolam ini ke kawasan sekitar.

Jabatan Pengairan Saliran sedang melaksanakan projek tebatan banjir di Pulapol disamping akan membina tembok penahan banjir di kawasan yang telah dikenal pasti bagi mengelakkan limpahan air dari Kolam Takungan Banjir Boyan berulang.

Melihat ke hadapan, penyelesaian secara menyeluruh oleh Jabatan Pengairan dan Saliran adalah dengan menggunakan *Annual Recurrence Interval (ARI)* 200 sebagai asas mereka bentuk

semula keupayaan sungai di Kuala Lumpur.

Dalam menyokong usaha ini, DBKL telah melantik perunding bagi mereka bentuk semula parit monsun dan longkang-langkang termasuk longkang tepi jalan raya.

Ini bagi mempertingkatkan keupayaan longkang menampung air hujan berdasarkan *Annual Recurrence Interval (ARI)* 200. Perunding ini diminta menyiapkan kajian ini dalam tempoh tiga bulan.

Menurut Shahidan, semua perkara tersebut telah dilihat di mana pendekatan jangka masa pendek dan panjang akan diambil namun yang lebih utama ketika ini adalah agar mangsa terjejas akan mendapat pembelaan serta bantuan sewajarnya.

"Mereka perlu mengambil masa untuk membersihkan serta menyediakan rumah agar selesa untuk



SHAHIDAN

Pantau keadaan & keperluan mangsa banjir

JABATAN Kebajikan Masyarakat (JKM) antara agensi kerajaan yang ditugaskan khas untuk memantau dan membantu dari aspek keperluan, kesihatan dan kebajikan mangsa-mangsa banjir klat Kampung Periuk sejak 7 Mac lalu.

Pegawai bertugas JKM di pusat pemindahan sementara (PPS) Kelab Sultan Sulaiman memaklumkan sehingga hari ini keadaan kesihatan, keperluan makanan dan barang mangsa banjir masih terkawal.

"Kesemua 146 mangsa terjejas menerima bantuan namun setakat ini masih memerlukan sumbangan berbentuk barang keperluan asas, kelengkapan diri dan makanan kerana kebanyakannya barang di rumah mereka tidak dapat digunakan akibat dibadai air banjir," katanya kepada pemberita.

Selain itu, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut membuka kaunter semakan dan pemantauan kesihatan pada Selasa lalu untuk membolehkan mangsa melakukan saringan kesihatan serta mendapatkan rawatan susulan.

Sebagai langkah penjagaan, JKM sentiasa memantau keadaan mangsa-mangsa banjir di PPS Kelab Sultan Sulaiman dengan mengambil pencegahan dari aspek penjarakan di setiap khemah dan perlu memakai pelitup muka setiap kali bergerak keluar dari kawasan khemah mereka.

Terdahulu, laporan data kemas kini terakhir pada Selasa menerusi info bencana JKM menunjukkan sebanyak 43 daripada 47 khemah masih berada di PPS Kelab Sultan Sulaiman kerana dua khemah telah kembali pulang ke rumahnya. **W.K**



PASUKAN DBKL menolak kereta yang terperangkap di laluan yang dinaiki air.

diduduki semula dan oleh itu kita tidak akan menutup PPS ini sehingga ke semua mangsa pulang ke rumah masing-masing dan tiada paksaan untuk mana-mana keluarga berpindah keluar daripada PPS.

"Melihat pada keadaan serta perubahan cuaca ketika ini, tempat ini telah diarahkan untuk disiapsiagakan terus bagi tujuan perpindahan sekiranya sebarang bencana berlaku lagi pada masa akan datang," ujarnya sambil menambah PPS ini dibuka selepas tiga jam air naik di ibu kota.

W.K

YWP siap siaga hulur bantuan bencana



DIANA AMIR

HUJAN lebat berterusan sejak jam tiga petang Isnin lalu sekali lagi menyebabkan banyak lokasi di Kuala Lumpur ditenggelami air.

Ternyata bencana alam tersebut mengundang simpati banyak pihak antaranya Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) yang merupakan antara pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terawal tampil menghulur bantuan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata kikitangannya sentiasa bersedia dalam menghadapi kemungkinan banjir apabila hujan lebat melanda.

"Apabila banjir berlaku dan terdapat pusat pemindahan sementara (PPS) yang dibuka, YWP akan segera turun bagi memberi bantuan makanan terlebih dahulu.

"Dalam keadaan tak menentu sekarang, saya telah meletakkan kakitangan dalam mod sedia sekiranya berlaku sebarang kemungkinan banjir," katanya sewaktu dihubungi *Wilayahku*.

Selain sumbangan makanan, YWP juga turut menyalurkan wang tunai kepada mangsa yang disampaikan oleh Pengurus Perwakilan Penduduk Titiwangsa, Datuk Azizulrahman Mohd Hussain Malim.

"Pada Selasa kita telah menyampaikan sumbangan wang tunai kepada mangsa-mangsa terjejas di dua buah PPS dengan persetujuan daripada Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

"Diharapkan sumbangan tersebut sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan beban yang dipikul oleh mangsa memandangkan mereka baru sahaja mahu memulakan kehidupan baharu selepas banjir teruk melanda negara pada Disember lalu," ujarnya.

Tambahnya lagi, YWP juga mempunyai peruntukan khas bencana yang memadai bagi mengurangkan beban mereka.

Dalam pada itu, beliau turut menasihati orang ramai terutama warga Wilayah Persekutuan agar sentiasa berhati-hati dan kekal tenang apabila berhadapan musibah.

"Jangan ambil risiko untuk meredah air banjir kerana kita tidak tahu apa yang akan berlaku dalam keadaan itu.

"Selain itu, mangsa yang ditimpah musibah banjir mahupun kebakaran perlu tahu bahawa ada agensi yang akan tampil bagi menghulurkan bantuan segera.

"Cumanya saya minta



DATUK Zaizalnizam Zainun (kiri) bersama Pengurus MPP Titiwangsa, Datuk Azizulrahman Mohd Hussain Malim menyerahkan sumbangan kepada mangsa banjir di PPS Kelab Sultan Sulaiman.

"Kami redha kelengkapan rumah ditenggalami air" - mangsa banjir

BARU sahaja ingin menarik nafas lega, warga kota diuji apabila hujan lebat sekali lagi menyebabkan penduduk Kampung Periuk, Kampung Baru menanggung kerugian berganda setelah rumah mereka ditenggelami air setingga tiga meter.

Hujan lebat berterusan itu menyebabkan mereka tidak sempat menyelamatkan kesemua barang kerana air naik dengan cepat dalam masa setengah jam.

Salah seorang mangsa banjir yang juga

pengidap kanser saraf, **Mohd Said Abd Samad**, 70, berkata dia sekeluarga redha dengan kejadian tidak diduga ini setelah kebanyakan kelengkapan rumahnya telah rosak dan hancur.

"Paling menyediakan kami sekeluarga adalah barang-barang yang baru sahaja dibeli seperti peti ais, sofa dan tilam ditenggelami air kerana kali ini ia datang dengan begitu laju dan deras sehingga kami terpaksa meninggalkannya," kongsinya ketika ditemui *Wilayahku* di PPS Kelab Sultan Sulaiman pada Selasa.

Menurut Mohd Said, dia menyedari rumahnya dinaiki air selepas mendengar isterinya memanggil dan menjerit meminta dia menyelamatkan diri.

"Ketika kejadian, saya sedang baring di dalam bilik sementara menunggu azan Asar. Dalam masa 30 minit sahaja ketika hujan sedang lebat, air tiba-tiba meningkat sehingga mencecah paras pinggang.

"Apabila dengar jeritan suara makcik memanggil, saya bergerak perlahan-lahan ke tingkat dua katil (*double dacker*) untuk selamatkan diri sebelum jiran dan menantu datang membantu. Walau bagaimanapun, saya sempat mencapai beberapa barang yang berdekatan seperti *stand fan*, bantal dan beberapa dokumen penting," kongsinya.

Sementara itu, Mohd Nor Tujelan, 45, berkata dia bersama isteri dan tiga anaknya segera meninggalkan kawasan rumah apabila air mulai mencecah sehingga paras leher.

"Keadaan kami ketika itu sangat cemas dan huru-hara kerana air sudah meningkat sehingga paras leher jadi kami memilih untuk meredah banjir bagi menyelamatkan diri."

"Banyak barang-barang baharu dibeli tidak dapat diselamatkan seperti mesin basuh. Jika masih boleh digunakan, *Alhamdulillah* tetapi jika rosak, saya sudah redha," ujarnya.

Katanya, pendapatan keluarganya kurang stabil semenjak kejadian banjir di Kuala Lumpur pada Disember lalu dan anggaran kerugian yang ditanggungnya pada kali ini adalah sebanyak RM5,000.

Di samping berharap agar pihak kerajaan dapat memperbaiki sistem perparitan di Kuala Lumpur supaya longgokan sampah di dalam longkang dikurangkan dan banjir dapat diatasi.



MOHD SAID ketika ditemubual oleh wartawan *Wilayahku*.

agar mangsa untuk memberi kerjasama yang baik seperti menyediakan dokumentasi yang diperlukan bagi memudahkan urusan bantuan," tambahnya yang mengharapkan tiada sesiapa tercicir dalam mendapatkan bantuan.

Terdahulu, taburan hujan yang luar biasa telah mengakibatkan banjir kilat di sekitar Kuala Lumpur dan sebanyak dua buah PPS telah dibuka bertempat di Kelab Sultan Sulaiman dan SJK (T) Saraswathy, Lembah Pantai. **W.K**



Apa yang perlu dilakukan sekiranya kereta ditenggelami air?

1 **Jangan hidupkan enjin kereta** - ini boleh menyebabkan kerosakan pada komponen enjin sekiranya masih belum kering.

2 **Periksa paras banjir yang menenggelamkan kereta** - maklumat ini penting untuk menilai kerosakan akibat dimasuki air banjir.

3 **Periksa jika minyak hitam dan penapis udara dimasuki air atau lumpur.**

4 **Buka pintu dan tingkap** untuk keringkan ruang dalam kereta .

5 **Hubungi syarikat insurans** - tentang perlindungan banjir.

6 **Periksa semua sistem elektrikal** selepas kereta boleh dihidupkan.

7 **Periksa roda dan tayar** - kesan lumpur yang sudah mengeras boleh menyebabkan kereta bergegar ketika memecut.

FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN, NOREEZA HASHIM, PEJABAT MENTERI & DBKL




Limpahan air duga Kuala Lumpur

BEBERAPA bulan lalu negara dikejutkan dengan banjir luar biasa yang melanda Selangor dan beberapa buah lagi negeri di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Diikuti negeri-negeri di Pantai Timur yang juga diuji dengan bencana itu pada bulan lepas.

Pada Isnin lalu, giliran Kuala Lumpur pula diduga dengan limpahan air secara mengejut

bila curahan hujan di luar kebiasaan turun selama dua jam tanpa henti mengakibatkan beberapa kawasan di ibu negara dinaiki air.

Namun Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** mengambil langkah segera bagi menangani musibah ini dengan mengarahkan seluruh agensi di bawah kementeriannya bertindak tangkas. **W.K**





MELAWAT kerja-kerja pembersihan tanah runtuh di Seksyen 6, Wangsa Maju yang diakibatkan oleh hujan lebat.



SUASANA di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru.

Penjaja tamak, penting diri punca masalah

MUKADDIMAH

SEBAGAI sebuah institusi yang dipertanggungjawabkan serta membangunkan sosioekonomi penduduk bandar serta menjaga keselamatan dan keamanan sosial, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sering menjadi sasaran pihak-pihak berkepentingan yang menjadi 'stake holder' di dalam bandaraya ini.

Dakwaan membela penjaja warga asing, menindas peniaga kecil, tindakan pilih kasih malah tidak kurang isu 'orang dalam' yang terlibat dalam aktiviti menjual lesen dan tapak perniagaan mencalarkan imejnya yang kini telah menginjak usia 50 tahun penubuhannya.

Menelusuri perjalanan panjang dua jabatannya ia sering menjadi sasaran kritikan orang awam, Jabatan Penguatkuasa (JPK) dan Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan (JPPP), DBKL perlu mengambil tindakan mengikut lunas undang-undang, namun seringkali berhadapan dengan beberapa isu termasuk menyentuh soal kemanusiaan sehingga tindakan mereka di rakam dan ditularkan di media sosial.

Pengarah Eksekutif Sosioekonomi DBKL, **DATUK ANWAR MOHD ZAIN** merungkai isu yang tidak berkesudahan ini dan turut berkongsi maklumat mengenai usaha pihaknya untuk membantu penjaja kecil di ibu kota kepada wartawan *Wilayahku*, **AZLAN ZAMBRY** dan jurugambar **MUHAMMAD MOHD DAIN** di pejabatnya baru-baru ini.



PENJAJA tempatan perlu mempunyai sikap tidak mementingkan diri, bertimbang rasa dan sedia mengikut arahan yang ditetapkan oleh DBKL supaya tidak menimbul masalah kepada warga kota yang lain.

WILAYAHKU: Bolehkah Datuk terangkan mengenai masalah utama berkaitan isu warga asing bermiaga tanpa lesen ini?

ANWAR: Bila bercakap mengenai peniaga warga asing, saya risau juga kerana ada dalam kalangan warga kota mungkin tidak faham secara terperinci. Memang kalau kita sebut warga asing yang bermiaga dan ada juga keadaan warga asing diberi kebenaran bermiaga sebenarnya. Ada juga yang kita tidak beri kebenaran bermiaga langsung.

Saya jelaskan di sini, kalau kebenaran di mana warga asing ini bermiaga tanpa lesen, itu memang tidak bolehlah. Sama juga dengan warga tempatan yang bermiaga tanpa lesen. Itu bermakna bermiaga tanpa lesen. Tapi kalau warga asing, dia bermiaga di dalam sektor penjajaan, maknanya dia bermiaga ini di tepi jalan, pasar malam dan gerai-gerai, itu memang tidak dibenarkan langsung dalam Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Penjaja WPKL 2016. Itu tidak dibenarkan langsung sama ada ada berpermit atau tidak. Warga asing tidak dibenarkan mencebur dalam aktiviti penjajaan seperti diterangkan tadi.

Tetapi sekiranya warga asing itu bermiaga di premis-premis, kita kena lihat betul-betul, kalau dia ada permit untuk bermiaga, itu dibenarkan. Tetapi perlu mengikut syarat-syarat tertentu yang akan diperincikan lagi.

WILAYAHKU: Difahamkan, kerja-kerja penguatkuasaan sering kali dijalankan dari semasa ke semasa, namun ia dilihat tidak dapat menghapuskan isu ini, bolehkah Datuk terangkan apakah puncanya?

ANWAR: Sebagai manusia, asasnya kita perlu meneruskan kehidupan. Apabila warga asing ini sudah masuk ke negara ini sama ada mempunyai permit atau tidak, mereka mesti meneruskan kehidupan dan mesti mempunyai sesuatu kerja yang boleh dilakukan untuk mendapatkan rezeki. Mereka tahu, penjajaan ini memang tidak boleh dan tidak dibenarkan, namun disebabkan desakan hidup, mereka akan teruskan juga.

Walaupun DBKL mengambil tindakan contohnya menyita barang, halau mereka, tetapi keesokan harinya, mereka akan teruskan cara untuk mencari rezeki. Kami pula akan teruskan tindakan tindakan penguatkuasaan berdasarkan peruntukan undang-undang yang dibenarkan, namun pada masa sama, kuasa yang ada terhad contohnya, DBKL tidak boleh menangkap mereka kerana itu bukan dibawah undang-undang penguatkuasa DBKL dan ini di bawah kuasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), kemasukan mereka adalah di bawah kebenaran imigresen, jadi JIM yang boleh ambil tindakan.

WILAYAHKU : Mengenai dakwaan daripada persatuan penjaja yang mengatakan ada tauke besar yang memayungi dan melindungi warga asing yang menjalankan aktiviti penjajaan di ibu kota, apa komen Datuk mengenai perkara ini?

ANWAR : Saya percaya ada kebenaran terhadap dakwaan tersebut, cuma kita tidak dapat maklumat yang betul dan tepat. Apa yang didakwa ada yang tidak berapa tepat, kebanyakan yang penguat kuasa tahan, mereka

ada permit, cumanya salah guna permit kerana mereka tidak bekerja di dalam sektor tersebut.

Ada yang bergerak bersendirian, ada juga yang bernaung di bawah tauke tertentu. Seperti sebuah pasar raya yang dimiliki warga asing secara sah, penguat kuasa kita tangkap, dan sepatutnya mereka bekerja di dalam cawangan pasar raya itu, tetapi mereka ada di dalam Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL). Berapa banyak kes yang kita tangkap, permit di bawah pasar raya tersebut.

Tindakan mereka juga licik, ada antaranya berkahwin dengan warga tempatan. Ketika menjaja, isteri mereka akan tidur atau berehat di dalam kereta. Apabila pihak penguat kuasa menjalankan rondaan dan melakukan pemeriksaan, isteri mereka akan segera keluar dan menunjukkan lesen yang didaftarkan atas nama mereka.

Setakat ini, kita hanya ambil tindakan di atas tapak niaga sahaja. Apabila ada maklumat, kita ambil tindakan dan sekiranya ada kaitan dengan kesalahan undang-undang melibatkan imigresen, maka kita akan serahkan maklumat sahaja.

Cuma dakwaan tersebut, boleh jadi mereka bergerak sendiri dan dia cuma setiap tahun membayar levi untuk pembaharuan permit kepada syarikat naungan

mereka atau ada syarikat besar seperti pasar raya tersebut yang mengambil kuota pekerja asing tetapi tidak bekerja dengan mereka, sebaliknya menjalankan perniagaan sendiri.

WILAYAHKU : Di laman Facebook rasmi DBKL ada menyatakan terdapat taktik menyembunyikan barang niaga di dalam longkang juga menyelinap di dalam kereta peniaga tempatan, apa lagi taktik yang mereka lakukan untuk masuk ke dalam PBKL?

ANWAR: Sebenarnya, banyak taktik yang dilakukan ini di atas satu alasan, iaitu kerana atas desakan untuk meneruskan kehidupan. Antara yang anggota penguat kuasa DBKL dapat mengenal pasti adalah mereka (warga asing) ini menyamar sebagai pekerja pembersihan Syarikat Alam Flora.

Selain itu mereka turut menyamar sebagai pemborong. Untuk makluman, setiap pemborong dan peniaga yang berlesen di PBKL akan diberikan baju T-shirt bagi memudahkan pemantauan di lakukan.

Oleh kerana penguat kuasa yang ditugaskan di kawasan itu sudah faham dan mengenali pengunjung yang datang, mereka dapat mengemac mana-mana warga asing yang datang meskipun pelbagai taktik yang cuba di lakukan untuk mengabur pandangan penguatkuasa DBKL yang bertugas di PBKL.

Tindakan mereka juga licik, ada antaranya berkahwin dengan warga tempatan. Ketika menjaja, isteri mereka akan tidur atau berehat di dalam kereta. Apabila pihak penguatkuasa menjalankan rondaan dan melakukan pemeriksaan, isteri mereka akan segera keluar dan menunjukkan

lesen yang didaftarkan atas nama mereka.

Ada kes yang melibatkan pembayaran upah kepada warga tempatan dengan gaji RM1,200 hingga RM1,500 untuk duduk sahaja di tapak jajahan mereka. Itu kita memang tak boleh buat apa, memang liciklah. Cumanya, apabila mereka pergi makan atau balik mandi, pihak penguat kuasa boleh ambil tindakan kerana ketika itu, tauke sebenar ini terpaksa menjaga sebentar.

Begitu juga di premis-premis, ada yang di upah hanya untuk duduk sahaja. Contohnya yang berlaku di Pekan Sungai Besi, kata premis yang mengendalikan perniagaan kedai jahit, kita tahu semua warga negara Bangladesh yang menguruskan premis di situ, apabila anggota penguat kuasa DBKL menjalankan pemeriksaan, semua orang tempatan akan duduk di hadapan premis seolah-olah mereka yang menjalankan pernagaan tersebut.

Sebagai makluman, apabila kita lihat ada warga tempatan di sesebuah premis dan ia didaftarkan atas nama warga tempatan dan mereka duduk di situ lepas itu, manakala warga asing yang menjalankan operasi, itupun kita boleh mengeluarkan notis di atas kesalahan mengajikan warga asing tanpa permit yang sah kerana ia merupakan salah satu sektor yang tidak tersenarai di dalam permit oleh JIM.

WILAYAHKU: Terdapat dakwaan daripada penjaja mengenai berlaku aktiviti 'Ali Baba' dan penjualan lesen niaga dengan harga tinggi daripada warga asing dan ia turut membabitkan 'orang dalam' DBKL, bolehkah Datuk terangkan mengenai perkara tersebut?

ANWAR: Di sini ada dua situasi, satunya pemilik itu sendiri mengali baba kan' lesen miliknya. Satunya warga tempatan, ada lesen dan Ali Baba kan lesen miliknya kepada warga asing. Dari segi peraturan DBKL, memang tidak boleh dan salah di sisi undang-undang dan boleh diambil tindakan. Memang kadang kala, ia agak sukar untuk buktikan tetapi kita akan tetap ambil tindakan sekiranya kita dapat maklumat.

Dakwaan penglibatan kaki tangan DBKL dikatakan terbabit dalam aktiviti tersebut, suka saya maklumkan bahawa DBKL sangat tegas dalam perkara seperti ini. Saya rasa kakitangan di Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan atau Jabatan Penguatkuasa faham sekiranya terdapat aduan, kita memang ada kaedah dan cara untuk mengambil tindakan terhadap kakitangan melalui Jabatan Integriti DBKL yang diketuai oleh seorang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dilantik sebagai Pengarah Jabatan secara pinjaman.

Namun ada juga tohmahan yang sengaja diada-adakan. Misalnya, aduan yang dikemukakan kepada Jabatan Integriti ini hanya sebagai usaha untuk menarik mana-mana pegawai atau anggota yang tegas menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Selama ini, kita tidak pernah melindungi kakitangan kita yang terlibat dengan aktiviti seperti ini. Malah kita juga biasa mendengar ada kaki tangan kita yang diambil tindakan termasuk dibicarakan di mahkamah.

WILAYAHKU: Wujud keimbangan dalam masyarakat mengenai premis di sepanjang Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) yang seolah-olah didominasi warga asing bekerja di dalam bidang fabrik, adakah wujud polisi untuk menghadkan bilangan mereka di kawasan itu?

ANWAR: Kalau di premis, mereka bukan penjaja. Mereka tertakluk di bawah UUK Pelesenan Perniagaan Thread. Sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat tertentu, ia dibenarkan. Penjaja tidak boleh bermiaga di sepanjang Lorong TAR, termasuk di bazar Ramadan sama ada mempunyai permit atau tidak. Dalam premis, sekiranya ada menjual baju, kain bahkan di restoran mamak, mereka dibenarkan dengan syarat-syarat tertentu.

Walau bagaimanapun, kita telah nampak benda ini semakin membesar, kita ada syarat-syarat yang mula diketatkan. Antaranya, ada beberapa jenis perniagaan yang disenaraikan iaitu 20 jenis perniagaan dihadkan untuk warga tempatan sahaja.

Yang kedua, kita telah mula kenal pasti beberapa

kawasan dan tidak membentarkan tambahan kebenaran bermiaga. Kita sudah mula di Jalan Silang, Jalan Tun Tan Siew Sin dan sekitarnya, Jalan Bukit Bintang dan sekitarnya, kemudian Jalan Chow Kit, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Leboh Ampang, Leboh Pasar, Jalan Masjid India, Jalan Kenanga dan Pusat Bandar Utara di PBKL. Walaupun sekarang dah ada peniaga warga asing, namun kita tidak mahu berikan lagi kebenaran bermiaga di dalam premis.

WILAYAHKU: Isu peniaga Rambo terutama pada hujung minggu, bagaimanakah pihak DBKL dapat mengatasi perkara ini susulan banyak aduan mengenainya?

Masalahnya, apabila sudah maju, mereka sudah tidak boleh beroperasi di kawasan itu lagi. Mereka perlu berpindah dan menyewa premis yang bersesuaian dengan perniagaan mereka. Sebaliknya, ia tidak berlaku seperti itu. Itulah kesannya apabila DBKL cuba mengawal dari berlaku situasi seperti itu.

ANWAR: Rambo ini boleh jadi ia merupakan warga tempatan ataupun warga asing. Kalau warga asing itu, kita tidak berkompromi dan akan terus ambil tindakan keras. Warga tempatan, juga ada terlibat dengan aktiviti rambo ini, contohnya di lorong-lorong jalan dan kadang-kadang, bila dah bermiaga ni, mereka rasa boleh buat apa sahaja.

Apabila kita buat program Wilayah Bebas Berniaga (WBB), DBKL tidak mengenakan sebarang bayaran untuk lesen, peniaga hanya perlu daftar sahaja untuk kita tahu siapa yang bermiaga di situ. Kalau di satu-satu kawasan yang diluluskan itu ada 10 peniaga, maka 10 lesen akan dikeluarkan di situ dan apa jenis perniagaan, kita kena tahu lah.

Ada tempat-tempat yang

memang tidak dibenarkan. Contohnya di Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Dataran Merdeka, Jalan Silang, kawasan Masjid India dan beberapa kawasan lagi.

WILAYAHKU: Datuk ada menyebutkan bahawa DBKL ada memberikan kebenaran untuk membuka kawasan baharu bagi tujuan penjajaan, adakah ia masih lagi boleh dipertimbangkan?

ANWAR : Apabila ada arahan untuk meneruskan WBB, maka kita masih pertimbangkan tetapi kita akan tengok kawasan yang dimohon. DBKL mempunyai Pengurus Cawangan di 11 kawasan Parlimen seluruh Kuala Lumpur, mereka ini akan dipertanggung-jawabkan untuk menilai dan meneliti semua aspek jika ada permohonan kawasan penjajaan baharu.

Kita turut akan meneliti setiap halangan yang mungkin terjadi kepada orang ramai dan paling utama adalah penilaian aspek keselamatan. Kita tidak mahu ada penjaja membuka tapak di selektor jalan raya, di kawasan parkir sehingga menimbulkan kesusa han kepada orang ramai.

Walaupun ia berkemungkinan sesuatu tempat yang dicadangkan itu memang menjadi tumpuan, kalau bermiaga boleh laku, tetapi ia mungkin tidak sesuai dari segi keselamatan dan pihak DBKL akan dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini.

Sudah pasti kita mahu lihat kawasan itu berdaya maju, namun kita mesti

memastikan ia tidak menyukarkan urusan orang ramai seperti mengambil petak parkir atau di hadapan premis orang lain. Itu memang tidak dibenarkan malah, penduduk yang merasai kesusa han ini akan adukan pula kepada DBKL untuk ambil tindakan segera. Kita juga pada masa sama tidak mahu ada peniaga yang menjaja di kawasan yang sukar untuk mendapatkan pelanggan. Jadi, pemilihan tapak niaga ini perlu dirujuk kepada Pejabat Cawangan DBKL agar tiada masalah timbul.

Selain itu, warga kota sudah bertoleransi dan berkompromi dengan aktiviti penjajaan ini termasuklah memberikan kebenaran dan menyokong operasi pasar malam yang ada di dalam kawasan mungkin dua kali dalam satu minggu. Itu kita kena akui, penduduk terpaksa berkorban dan memberikan kebenaran untuk aktiviti itu. Kalau bazar Ramadan sehingga satu bulan, itu pun diberikan kebenaran disebabkan penduduk berkompromi.

WILAYAHKU: Sikap penjaja sendiri menyukarkan urusan mereka dan juga orang ramai apabila memilih untuk kekal bermiaga di tapak yang sama bertahun-tahun sedangkan DBKL mempunyai kemudahan pusat penjaja dan sebagainya untuk memastikan mereka lebih maju di dalam perniagaan, apa komen Datuk mengenai perkara ini?

ANWAR: Kita kena faham, ia bermula daripada sikap tamak itu sendiri. Sebagai contoh, ia bermula dengan kios di mana ukuran awal yang dibenarkan di tapak adalah tiga kaki lebar dan enam kaki panjang sahaja. Besar sikit, gerai berkunci, apabila maju sedikit, restoran, besar lagi, restoran yang mempunyai dua hingga tiga pintu, besar lagi jadi gudang dan besar lagi ia jadi

industri. Ini adalah turutan peniaga yang bermiaga dari kecil sehingga ia menjadi industri. Masalah timbul apabila jalan serta infrastruktur terhad dan ia turut termasuk di dalam rancangan pembangunan.

Apabila kita hendak pindahkan mereka, mungkin standardnya adalah kios sahaja, bila sudah mencapai kemajuan dalam bermiaga, mereka akan menambahkan aset. Sebagai contoh di Taman Tasik Titiwangsa yang menjalankan perniagaan perkhidmatan sewaan basikal, mula-mula mungkin sedikit, hari ini sampai dah terpaksa menutup beberapa kawasan untuk mereka.

Mula-mula ia hanya sekadar halangan sahaja. Apabila ada sedikit keuntungan, mereka akan menambah aset sehingga barang 'melimpah' serta mengganggu trafik dan menjadi kacau ganggu. Naik setapak lagi, ia akan menjadi kesesakan lalu lintas dan kemudian akan menjadi faktor keselamatan.

Masalahnya, apabila sudah maju, mereka sudah tidak boleh beroperasi di kawasan itu lagi. Mereka perlu berpindah dan menyewa premis yang bersesuaian dengan perniagaan mereka. Sebaliknya, ia tidak berlaku seperti itu. Itulah kesannya apabila DBKL cuba mengawal dari berlaku situasi seperti itu.

Dalam masa sama, kita turut perkenalkan kaedah food truck agar mereka boleh terus dibenarkan bermiaga di satu-satu kawasan, tetapi perlu sedikit pelarasan bagi membolehkan mereka bermiaga di kawasan asal. Contohnya seperti program WBB, jalan yang diberi kebenaran pada atasnya memang tidak dibenarkan terutama sekiranya ia menjadi kawasan tetap untuk bermiaga. Tetapi pelarasan yang kita perkenalkan adalah peniaga perlu mematuhi syarat, apabila membuka khemah pada waktu pagi dan petang perlu menutup dan mengemas semula kawasan jajaan tersebut. Itu adalah kompromi DBKL dengan syarat, tiada struktur kekal dibina.

Kita sarankan kepada penjaja, apabila sudah mulai maju, mereka mestilah mempunyai perancangan untuk berpindah. Malah kerajaan turut menawarkan pelbagai skim bantuan untuk golongan peniaga kecil agar mereka lebih maju bermiaga. Difahamkan, ada beberapa ahli perniagaan yang bermula sebagai penjaja dan kini telah mempunyai cawangan restoran di sekitar Kuala Lumpur. Inilah sepatutnya yang berlaku.

Ia sama seperti di Uptown Danau Kota, ia bagus untuk peniaga tetapi penduduk di situ mengadu kerana terpaksa menghadapi kesesakan lalu lintas. Bermula hanya pada hujung minggu, hari ini boleh dikatakan setiap hari, ada penduduk yang merungut mengenai masalah itu. Namun kita ada perancangan untuk menempatkan semula mereka nanti. **WK**



Kawan baik disyaki bunuh Tangmo kerana duit insurans



DEEL ANJER

20 TAHUN berkawan bukanlah pengukur kesetiaan sebuah persahabatan. Sepertimana maksud pepatah, rambut sama hitam, dalam hati tiada siapa yang tahu.

Kecoh dalam media sosial baru-baru ini apabila ramai yang mendakwa kematian pelakon dan model cantik Thailand, **Tangmo Nida**, 38, pada 26 Februari lalu disebabkan lemas selepas terjatuh dari bot laju di Sungai Chao Phraya, Bangkok.

Setelah siasatan dijalankan, pelbagai spekulasi dan andaian

timbul apabila kematian Tangmo seolah-olah sudah dirancang.

Apa yang mengejutkan pihak polis mendakwa kematian Tangmo ada kena mengena dengan lima rakannya yang turut berada dalam bot tersebut.

Menurut laporan *Bangkok Post*, pengurus Tangmo memberi keterangan palsu dan cuba memutar belit fakta.

Ada juga sumber mendakwa, Tangmo mengambil anak perempuan pengurusnya sebagai anak angkat, yang akan mendapat banyak wang daripada insurans hayat pelakon itu jika kematianya boleh dibuktikan sebagai kemalangan.

Susulan kejadian itu, rata-rata warganet mula mengambil

iktibar bahawa jangan terlalu percayaan kawan baik kerana manusia boleh berubah hati disebabkan tamak duit.

Ada juga antara netizen yang menceritakan pengalaman mereka berbuat baik akhirnya dibalas buruk oleh orang yang pernah dibantunya ketika susah.

Apa-apa pun, *Wilayahku* nasihatkan agar kita semua sentiasa berhati-hati dalam kehidupan. Perlu bijak memilih kawan dan berjaga-jaga setiap masa.

Ini kerana bukan semua orang suka apabila kita hidup senang atau mempunyai kelebihan. Fikir-fikirkanlah. WK



AKTRES jelita, mendiang Tangmo Nida.



Persembahan Siti di Big Stage ganggu rating AJL36?

RAMAI yang beranggapan pemilihan tema *This Is Siti Nurhaliza* di konsert minggu kelima Big Stage 2022 bertujuan untuk mengugat rating Anugerah Juara Lagu ke-36 (AJL36) yang bersiaran langsung di TV3 pada malam Ahad, baru-baru ini.

Apatah lagi penyanyi nomor satu negara Datuk Seri Siti Nurhaliza membuat persembahan hebat sebagai acara penutup Big Stage minggu tersebut.

Siti menyanyikan tiga lagu tradisional popularnya iaitu Nirmala, Balqis dan Hati Kama.

Menurut Penerbit Penyelaras Big Stage 2022 iaitu **Mohd Noor Firdaus Mahadi**, Astro bersaing secara sihat dan mahu memberi pelbagai pilihan kepada penonton untuk memilih rancangan terbaik.

"Pada pandangan kami kita bersaing secara sihat, kita menawarkan *content* dan kandungan program terbaik untuk penonton di luar sana, terpulang kepada mereka nak menonton yang mana satu," jelasnya.

Walau bagaimanapun, terdapat warganet yang melihat pemilihan tema mengangkat penyanyi

kesayangan ramai negara itu sebagai strategi menarik penonton.

"Performace of the night. Kalau dia perform ni di AJL, confirm dah tapau semua," tulis Ramdanaduan.

"Astro sangat bijak. Time time orang sibuk nak tonton AJL, time tu juga dia sengaja selitkan persembahan Tokti (panggilan untuk Siti Nurhaliza) dan tema lagu-lagu Tokti. Syabas Astro kerana pandai berbisnes," ujar Earthkeeper1.

"Konsert ni katanya mengugat AJL ya? Patutlah, memang power Siti ni," kata Wak Sentot Channel.

"Ini sepatutnya persembahan pembukaan AJL. Ini yang kami mahukan," komen Amen Zalani.



Zizi Kirana tegur individu suka 'pijak' kepala

LAGU Eh berjaya membawa nama penyanyi Zizi Kirana ke puncak kerjaya.

Mesej yang dibawa lagu itu bukan sahaja menjadi bualan dalam kalangan peminat dan netizen, tapi sekali gus memberi satu jenama baharu pada Zizi Kirana.

Keberaniannya menegur sikap segelintir pihak menerusi lirik dalam lagu bukan sekadar satu bentuk hiburan semata, tapi lebih pada ingin menyatakan suara dan isi hati berkenaan apa yang berlaku di sekeliling hari ini.

Terbaharu, **Zizi**, 37, atau nama sebenarnya Nur Fazelah @ Zizie Mad Tahil muncul dengan single berjudul Pijak yang diterbitkan oleh Def Jam Malaysia.

"Kalau nak tahu, lagu ini adalah kesinambungan kepada lagu Eh yang

mana menceritakan mengenai orang yang mengambil kesempatan di atas kebaikan dan kelemahan orang lain.

"Pendek kata lagu ini menggambarkan sikap seseorang yang suka pijak kepala. Ini antara cara untuk saya sampaikan nasihat. Bukan nasihat untuk orang sahaja, tapi untuk saya sendiri supaya tidak ambil kesempatan atas orang lain."

"Jadi kita saling menasihati antara satu sama lain dan sebab itulah ada kesinambungan antara lagu Eh dan lagu Pijak ini," katanya.

Menurut Zizi, dia bekerjasama dengan Navigator dan Mambang dalam menghasilkan lagu Pijak.

"Saya sangat selesa bekerja dengan mereka."

"Mereka sudah tahu apa yang sesuai dengan saya dan apa yang boleh saya sampaikan. Kami memang sudah senang untuk bekerjasama."

"Apa-apa pun, kalau ada peluang untuk bekerja dengan orang lain saya okey sahaja. Cuma untuk single Pijak ini saya selesa untuk bekerja dengan orang yang sama," jelasnya lagi.

Pijak kini sudah tersedia di semua digital platform seperti Spotify, Apple Music, Joox, KKBOX, Deezer dan YouTube Music manakala video muziknya boleh ditonton di saluran YouTube Zizi Kirana.

Keberaniannya menegur sikap segelintir pihak menerusi lirik dalam lagu bukan sekadar satu bentuk hiburan semata, tapi lebih pada ingin menyatakan suara dan isi hati berkenaan apa yang berlaku di sekeliling hari ini.

Terbaharu, **Zizi**, 37, atau nama sebenarnya Nur Fazalah @ Zizie Mad Tahil muncul dengan single berjudul Pijak yang diterbitkan oleh Def Jam Malaysia.

"Kalau nak tahu, lagu ini adalah kesinambungan kepada lagu Eh yang

mana menceritakan mengenai orang yang mengambil kesempatan di atas kebaikan dan kelemahan orang lain."

"Pendek kata lagu ini menggambarkan sikap seseorang yang suka pijak kepala. Ini antara cara untuk saya sampaikan nasihat. Bukan nasihat untuk orang sahaja, tapi untuk saya sendiri supaya tidak ambil kesempatan atas orang lain."

"Jadi kita saling menasihati antara satu sama lain dan sebab itulah ada kesinambungan antara lagu Eh dan lagu Pijak ini," katanya.

Menurut Zizi, dia bekerjasama dengan Navigator dan Mambang dalam menghasilkan lagu Pijak.

"Saya sangat selesa bekerja dengan mereka."

"Mereka sudah tahu apa yang sesuai dengan saya dan apa yang boleh saya sampaikan. Kami memang sudah senang untuk bekerjasama."

"Apa-apa pun, kalau ada peluang untuk bekerja dengan orang lain saya okey sahaja. Cuma untuk single Pijak ini saya selesa untuk bekerja dengan orang yang sama," jelasnya lagi.

Pijak kini sudah tersedia di semua digital platform seperti Spotify, Apple Music, Joox, KKBOX, Deezer dan YouTube Music manakala video muziknya boleh ditonton di saluran YouTube Zizi Kirana.

DAPATKAN NASKHAH PERCUMA

Lokasi edaran:



UTC
PUSAT TRANSFORMASI BAHARU

TBS
TERMINAL BERSEPADU SELATAN

alamanda
FUTRAJAYA

7 ELEVEN



STesen SENTRAL
Kuala Lumpur

UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*

99 SPEEDMART®

iKK!
BUKA 24 JAM



JANGAN TERLEPAS EDISI BERCETAK DAN E-PAPER WILAYAHKU
Wilayah Ku

Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE
26cm X 33cm
RM7,500



HALF PAGE
26cm X 17cm
RM5,500



QUARTER PAGE
12cm X 17cm
RM4,500



PANEL PAGE
[INNER]
26cm X 6cm
RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)

Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:
YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

Sifar miskin tegar di Putrajaya



ROSLI
ABDUL TALIB

SEJAK negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, struktur sosioekonomi rakyat Malaysia telah mengalami pelbagai fasa perubahan yang agak ketara. Pelbagai usaha dan inisiatif serta dasar-dasar kerajaan telah digubal dan dilaksanakan bagi terus menambah baik dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat Malaysia. Namun, di sebalik segala usaha tersebut, cabaran untuk membebaskan rakyat Malaysia daripada masalah dan belenggu kemiskinan kekal menjadi isu utama kepada pihak kerajaan.

Memasuki era globalisasi, rakyat Malaysia berhadapan dengan satu bentuk cabaran kemiskinan baharu. Bergelut dengan kos sara hidup yang semakin tinggi, khususnya di kawasan bandar, banyak isi rumah yang tergolong dalam kategori miskin. Peningkatan kos sara hidup yang semakin menekan dari hari ke hari memaksa golongan ini melakukan pelbagai pekerjaan demi memastikan keperluan isi rumah dapat dipenuhi.

PANDEMIK COVID-19 PUNCA RAMAI GOLONGAN MISKIN TEGAR

SECARA umumnya, konsep kemiskinan di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu miskin dan miskin tegar. Golongan miskin tegar merujuk kepada isi rumah yang memperoleh pendapatan di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) makanan RM1,169. Golongan miskin pula adalah isi rumah berpendapatan di bawah PGK Keseluruhan (PGK Makanan + PGK Bukan Makanan) RM2,208.

PUTRAJAYA TIDAK TERKECUALI HADAPI GOLONGAN MISKIN TEGAR

SEBAGAI sebuah bandar raya dan wilayah yang baharu mencapai umur 26 tahun 1 Mac lalu, penduduk di Wilayah Persekutuan Putrajaya turut tidak terkecuali daripada tersenari dalam kategori golongan miskin tegar. Data terkini sistem e-kasih iaitu sebuah pangkalan data bersepadu di bawah seliaan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri yang mengumpulkan maklumat keluarga miskin, daptan hasil kemas kini sehingga 23 Februari 2022 menunjukkan terdapat sebanyak lapan isi rumah penduduk yang dikategorikan sebagai golongan miskin tegar di

“Pendidikan merupakan sebuah pelaburan jangka masa panjang. Namun kemiskinan menghalang anak-anak golongan miskin daripada mendapat akses kepada kemudahan pendidikan yang baik.”

Wilayah Persekutuan Putrajaya. Sebagai sebuah bandar yang menempatkan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan, pelbagai usaha dirangka bagi memastikan Wilayah Persekutuan Putrajaya mencapai sasaran sifar miskin tegar. Faktor skop pekerjaan berkemahiran rendah dan separuh mahir dilihat sebagai halangan kepada golongan miskin ini untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik bagi melayukkan mereka keluar dari senarai miskin tegar.

Di samping itu, halangan dan keterbatasan fizikal turut mendedahkan seseorang kepada risiko kemiskinan. Daripada lapan isi rumah yang dikategorikan sebagai golongan miskin tegar di Wilayah Persekutuan Putrajaya, satu isi rumah didapati mempunyai masalah kesihatan dan dikategorikan sebagai orang kurang upaya (OKU).

Pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) melalui Unit Kemiskinan Dan Pembangunan Komuniti telah menjalankan pelbagai usaha dan inisiatif dalam membendung masalah kemiskinan tegar ini. Pelbagai program jangka masa pendek dan jangka masa sederhana telah disusun dalam memastikan sasaran sifar golongan miskin tegar berjaya dicapai. Selain daripada program-program bantuan secara langsung, program seperti bengkel memperkasa kemahiran turut dilaksanakan bagi membantu melatih golongan sasaran dengan kemahiran-kemahiran tertentu yang boleh membantu mereka menjana pendapatan tambahan. Pihak PPj turut menganjurkan kursus keusahawan dalam memberi peluang kepada golongan mencebur dunia perniagaan.

WARISI KEMISKINAN CABARAN UTAMA

ANTARA cabaran utama dalam mengatasi isu kemiskinan di Malaysia berkisar tentang kemiskinan yang diwarisi dari keluarga. Pendidikan merupakan sebuah pelaburan jangka masa panjang. Namun kemiskinan menghalang anak-anak golongan miskin daripada mendapat akses kepada kemudahan

BILANGAN KATEGORI MISKIN DI PUTRAJAYA

BIL.	SUMBER	KATEGORI (BILANGAN)			JUMLAH KESELURUHAN	ULASAN
		RELATIF MISKIN > (RM2,940)	MISKIN (RM2,208)	TEGAR > (RM1,169) (RM1,170)		
1.	E-KASIH PUTRAJAYA	0	45	7	52	Portal ICU
2.	MAIWP CAWANGAN PUTRAJAYA	4,829	0	0	4,829	Senarai yang menerima pelbagai bantuan
3.	PERBADANAN PUTRAJAYA	446	194	114	754	Edaran borang & senarai MPPWP
4.	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT	214	0	0	214	Senarai yang menerima pelbagai bantuan
JUMLAH		5,489	239	121	5,849	

SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM BANTUAN CAKNA WILAYAH PRIHATIN 2020/2021

BIL.	JENIS BANTUAN	2020			2021			
		AGENSI	PPJ	MAIWP	JKM	AGENSI	PPJ	MAIWP
1	Bantuan Barang Keperluan Harian Wilayah Cakna RM100 1,300 org penerima	1 kali	1 kali	2 kali	1 kali	1 kali	1 kali	2 kali
2	Baucar Barang Keperluan Harian RM100 4,500 org penerima	3 kali	-	-	1 kali	-		
3	Bantuan Baucar Back To School/RM100 1,000 org penerima	1 kali	2 kali	-				
4	Makanan Pack Food Berbuka Puasa 1,000 org penerima / 6 sub zon	1 kali	-	-				
5	Bantuan Hand Sanitizer Kepada Sekolah 1 kali Menengah/Kebangsaan Putrajaya 25 sekolah menengah/kebangsaan = 250 botol	-	-					
6	Bantuan Face Mask Kepada Sekolah Menengah/Kebangsaan Putrajaya 25 sekolah menengah/kebangsaan = 500 kotak	1 kali	-	-				
7	Bantuan Kewangan RM2,000 Kepada Persatuan Penduduk = 36 persatuan penduduk berdaftar	1 kali	-	-				
8	Bantuan Kewangan RM3,000 Kepada MPPWP = 1 zon dan 6 sub zon	1 kali	-	-				
9	Bantuan Face Mask Kepada Komuniti Putrajaya = 3,100 kotak	1 kali	-	-				
10	Bantuan Peralatan Pendidikan OKU Untuk Pusat Pemulihan Dalam Kumpulan (PPDK) = 10 peralatan bernilai RM20,000	1 kali	-	-				
11	Bantuan RM500 Kepada Pesakit COVID = Sehingga 4 april 120 orang telah terima bantuan	1 kali	-	-				
12	Bantuan Barang Harian Kepada Surau Putrajaya 10 buah surau	1 kali						
13	Bantuan Aidilfitri	-	1 kali	-				

pendidikan yang baik. Situasi ini sekali gus menghalang dan menutup peluang anak-anak golongan miskin ini untuk menjadi sebahagian tenaga kerja yang produktif dan berjaya pada masa hadapan. Justeru, penekanan terhadap akses pendidikan yang baik buat anak-anak golongan miskin ini berupaya membantu memutuskan kitaran kemiskinan agar tidak diwarisi dari satu generasi ke generasi akan datang. Pihak kerajaan melalui pelbagai

agensi dan kementerian yang berkaitan sentiasa bersedia menghulurkan bantuan dalam usaha membasmikan isu kemiskinan tegar ini. Pelbagai inisiatif yang holistik dan komprehensif boleh dirangka dan dilaksanakan.

Namun, peranan agensi dan kementerian berkaitan hanya terhad kepada penyediaan platform dan peluang sahaja. Individu yang tergolong dalam kategori miskin tegar ini sendiri perlu menunjukkan keazaman yang

jitu dan usaha yang bersungguh-sungguh bagi memastikan mereka mampu mengeluarkan diri mereka daripada kategori golongan miskin tegar. Tanpa usaha dan keinginan daripada individu itu sendiri, segala bentuk bantuan dan peluang yang telah disusun dan disediakan tidak akan mampu mengatasi masalah kemiskinan tegar di negara kita.

Penulis merupakan Pengarah Perkhidmatan Komuniti dan Sukan, Jabatan Perkhidmatan Bandar, PPj.

PL lanjutkan tempoh pajakan asetnya



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

PERBADANAN Labuan (PL) melanjutkan tempoh tawaran pajakan selama sebulan lagi terhadap sepuluh aset miliknya yang lama ditinggalkan berikutan kurang maklum balas daripada pembida.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Rithuan Mohd Ismail** berkata, sepatimana tertera di portal PL pelanjutan itu bermula 4 Mac sehingga 4 April 2022.

“Selepas mengambil kira sekatan pergerakan yang diambil oleh banyak komuniti perniagaan akibat pandemik

COVID-19, kami mesti berlambut dalam tawaran pajakan kami dan kami memutuskan untuk membukanya selama sebulan lagi.

“Kami berharap pemaju dan pelabur tulen untuk membangunkan kawasan-kawasan ini kerana kita menyedari sepenuhnya kesan kemerosotan ekonomi Labuan,” katanya ketika dihubungi Wilayahku, baru-baru ini.

Rithuan berkata, tawaran pajakan itu termasuk pembangunan aset yang telah lama ditinggalkan termasuk hab halal dan Hotel Labuan 10 tingkat di bawah pengurusan pihak berkuasa tempatan.



RITHUAN

Selain itu, lapan aset lain dan di bawah pengurusan PBT dalam senarai untuk dipajak ialah tapak pasar lama, tanah terbiar bersebelahan Hotel Labuan dan bangunan Pusat Transformasi Bandar Pasar Sentral, tanah terbiar di Jalan OKK Awang Besar, tanah berhampiran Saguking Jalan Patau-Patau dan di Jalan Ranch-Rancha, serta tarikan pelancong popular Pulau Papan.

Terdahulu, PL telah membuka tawaran pajakan 10 asetnya pada 19 Januari sehingga 3 Mac lalu. Pemajakan 10 aset untuk tempoh antara 13 hingga 30 tahun itu adalah untuk tujuan komersial. **WK**



HOTEL Labuan antara aset yang dipajak oleh Perbadanan Labuan.

Gelanggang sukan ekstrem dibina dengan kerjasama pihak swasta

DALAM memastikan golongan belia di pulau ini sentiasa aktif dan cemerlang dalam sukan ekstrem, Perbadanan Labuan bekerjasama dengan beberapa buah syarikat swasta membangunkan semula gelanggang sukan ekstrem itu.

Pengerusi Perbadanan Labuan (PL), **Datuk Seri Amir Hussien** berkata, kerjasama diantara syarikat swasta amat penting agar menunjukkan kebersamaan dengan golongan belia yang terlibat dalam sukan ekstrem.

Katanya, anggaran kos membangunkan semula gelanggang itu membabitkan peruntukan sejumlah RM70,000 hingga RM100,000.

“Kerjasama antara pihak swasta amat diperlukan terutamanya selepas kita mengharungi situasi pandemik COVID-19 agar kita mencapai kemajuan secara meluas di Labuan.

“Tempat ini akan ditransformasi agar lebih moden dan dinamik serta mereka yang terlibat dalam sukan ekstrem lebih selesa dengan kemudahan baharu.

“Kita (PL) ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dan kita harap usaha ini dapat diteruskan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pecah tanah gelanggang itu di Tanjung Purun, baru-baru ini.



AMIR (tiga dari kiri) merasmikan majlis pecah tanah bagi kerja-kerja pembaharuan gelanggang sukan ekstrem di Tanjung Purun, baru-baru ini.



SEORANG pengemar sukan ekstrem menunjukkan aksi pada majlis pecah tanah pembaharuan gelanggang itu.

“Kita difahamkan kerja pengubahsuaian dan penambahbaikan skate park ini akan memakan masa selama dua bulan,” katanya lagi.

Antara syarikat swasta yang

terlibat dalam pembiayaan kerja-kerja pembaharuan gelanggang sukan ekstrem itu adalah Labuan FSA, UW Global Money Broker Firm dan EC Investment Bank. **WK**

Ketua kampung disarankan bantu jelaskan isu kepada komuniti

PARA Ketua Kampung di wilayah ini disarankan membantu kerajaan dalam menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan di peringkat komuniti.

Pengarah Jabatan Penerangan Labuan, **Ab Rasil Hajatil** berkata, pihaknya akan membantu melengkapkan para ketua kampung dengan maklumat-maklumat yang diperlukan.

“Kalau ada isu-isu yang dibangkitkan di luar sana saya harap ketua kampung boleh ke hadapan untuk menjelaskan isu yang dimainkan agar tidak diputarbelit dan berpanjangan.

“Ketua kampung adalah kumpulan sasaran pihak kami untuk dilengkapi dengan maklumat-maklumat yang penting serta berguna bagi disebarluaskan kepada semua penduduk kampung,” katanya semasa berucap dalam Program Taklimat Isu-Isu Semasa anjuran jabatan itu di Bangunan Kementerian Komunikasi

dan Multimedia Malaysia (KKMM) Labuan, baru-baru ini.

Jelasnya, program itu akan diperluaskan ke peringkat komuniti bagi memastikan maklumat-maklumat penting dapat disebarluaskan terutamanya isu-isu berkaitan kepentingan masyarakat sendiri.

“Kita cuba lebih mendekati masyarakat dengan pelbagai pendekatan dan program seperti hebahan Info On Wheels serta bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain,” katanya lagi.

Pada program itu, wakil dari Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Labuan menyampaikan taklimat mengenai isu-isu kepenggunaan.

Manakala wakil dari Pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Labuan pula menyampaikan taklimat mengenai Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP). **WK**



RASIL (kiri) diiringi Jainuddin (kanan) menyampaikan sumbangan bakul makanan mewakili Persatuan Pengiat Media Labuan kepada ketua kampung untuk diagihkan kepada mangsa banjir pada Program Taklimat Isu-Isu Semasa, baru-baru ini.

Rekonstruksi ekonomi melalui transformasi pendigitalan dan Malaysia 5.0

MUHAMMAD HAFIZ
BIN AB HAMID

MASYARAKAT 5.0 atau 'Society 5.0' dari negara terbit matahari, Jepun cetus evolusi kepada Malaysia dalam fasa peralihan negara di mana penyatuan dunia maya dan dunia fizikal bakal direalisasikan melalui Malaysia 5.0.

Penggabungan dua dunia ini akan memacu objektif dasar ekonomi baharu untuk mewujudkan perpaduan negara dengan mengurangkan jurang ekonomi, sosial, budaya dan penempatan yang ditunjangi oleh pemodenan teknologi digital. Ia diyakini dapat membawa nilai tambah kepada ekonomi.

Tanpa disedari, COVID-19 yang datang seperti ribut pergi seperti semut telah mempercepatkan evolusi masyarakat ini iaitu peralihan daripada infrastruktur fizikal kepada digital.

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), sebuah agensi yang berperanan penting dalam mengerakkan Malaysia ke arus pemodenan digital dan menerapkan konsep hidup dan bekerja di Revolusi Industri Keempat (IR4) seiring dengan peralihan ke Malaysia 5.0.

Titik awal Dasar IR4 Nasional ini adalah mengembangkan hab yang dapat menghubungkan syarikat IR4 Malaysia ke seluruh dunia lain melalui regulasi yang ketat serta strategi dan arahan yang tepat.

Bukan itu sahaja, naratif baru untuk Malaysia perlu dibuat berdasarkan dasar IR4 Nasional untuk membina bangsa dengan ekonomi inovatif yang memungkinkannya bersaing di dunia teknologi dan menjadi ASEAN sebagai batu loncatan untuk menghubungkan Asia, Timur Tengah, dan Afrika, termasuk 1.8 bilion Muslim di seluruh dunia.

Bekas Pengarah
Penerimaan Perniagaan



Digital, **Muhundhan Kamarapullai** berkata tujuan utama Malaysia 5.0 diperkenalkan untuk menjadi asas dalam penstrukturkan ekonomi digital sekali gus sebagai nadi digital ASEAN.

Tambah beliau, MDEC berpegang teguh kepada tiga pendirian khusus iaitu warganegara Malaysia yang mahir dalam bidang digital, perniagaan berteraskan digital dan pelaburan digital dalam merealisasikan Malaysia 5.0.

Pendirian pertama iaitu warganegara Malaysia yang mahir dalam bidang digital, MDEC sudah melabur ke arah kepakaran ekonomi digital Malaysia untuk memperkasakan kepakaran dalam bidang digital dengan memudahkan pakar teknologi antarabangsa dan nomad digital untuk mengukuhkan kepakaran mereka di Malaysia.

Pendirian kedua (perniagaan berteraskan digital) pula, MDEC memiliki pengalaman lebih dari dua dekad dalam keberkesanannya menerjui teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan perkembangan ekonomi digital Malaysia di mana kami membantu meningkatkan pelbagai syarikat teknologi tempatan.

Bagi pendirian ketiga iaitu pelaburan digital, MDEC memfokuskan kepada teknologi

generasi akan datang seperti teknologi kecerdasan buatan (AI), teknologi dron, teknologi kewangan (FinTech) dan teknologi blockchain.

Struktur dasar dan tiga pendirian harus sejahtera dengan kementerian kewangan, komunikasi dan multimedia, MDEC, MIDA, Bank Negara Malaysia, dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Jika strategi nasional negara tidak mempertimbangkan dasar ini, Malaysia akan terus tertinggal dan tersisih dari ekosistem dan tenaga kerja digital baru.

Disebabkan teknologi IR4 ini boleh diakses di mana-mana sahaja dan memerlukan internet, ia telah menimbulkan pelbagai kebimbangan dan keresahan di mana pelbagai kes melibatkan penggodaman boleh terjadi.

Namun, dengan pendekatan yang tepat IR4 ini dapat menciptakan lingkungan kehidupan yang lebih baik, termasuk menciptakan suasana kerja baru yang lebih bermakna, meningkatkan kemahiran tenaga kerja, kesihatan dan pendidikan, serta menciptakan sebuah bandar yang lebih cerdas dan hijau.

Selain itu, Malaysia 5.0 boleh menggalakkan ekonomi sekeliling dan ekonomi yang lebih mampan yang mana dapat mewujudkan

“Walaupun pandemik yang melanda telah menyebabkan banyak kesakitan dan jiwa terkorban, namun selepas berbulan-bulan perkara ini berlalu, perniagaan dan isi rumah mesti bersedia untuk memulakan semula ekonomi mereka untuk kelangsungan hidup.”

kehidupan yang lebih sejahtera untuk semua rakyat tanpa mengira kaum, umur dan kelas.

Menghadapi normal baharu, negara perlu segera menggubal dasar yang lebih komprehensif, prihatin dan merangkumi semua lapisan masyarakat.

Walaupun pandemik yang melanda telah menyebabkan banyak kesakitan dan jiwa terkorban, namun selepas berbulan-bulan perkara ini berlalu, perniagaan dan isi rumah mesti bersedia untuk memulakan semula ekonomi mereka untuk kelangsungan hidup.

Pemulihan ekonomi akan bergantung pada seberapa cepat teknologi IR4 ini dilaksanakan melalui salur yang betul.

Malaysia 5.0 adalah sebuah peluang untuk kerajaan merancang pelan tindakan secara proaktif yang menghimpunkan dunia fizikal dan digital untuk mengatasi cabaran masyarakat selain meningkatkan produktiviti dan mencipta pasaran baharu.

Ia juga akan menjadi cara baru untuk melakukan sesuatu akan meningkat, dan kita bukan sahaja akan bertahan sebagai masyarakat, tetapi muncul sebagai sebuah negara lebih kukuh dalam ekonomi global.

Sokongan tambahan membatikan sektor swasta yang luas dari dalam dan luar negara juga diperlukan untuk membolehkan digitalisasi holistik berlaku. Justeru, MDEC menawarkan insentif dan persekitaran yang kondusif kepada pelabur awal.

Muhundhan mengulas lanjut, Malaysia perlu menerapkan pendekatan digital dalam norma baharu sekali gus dapat membantu memastikan peralihan digital dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS) diberi tumpuan sewajarnya.

Selain itu, inisiatif MyDigital yang dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada awal Februari 2021 disifatkan sebagai pendekatan baharu dan komprehensif yang direka untuk menambat ekonomi digital negara menjelang tahun 2030.

Muhyiddin berkata MyDigital akan dijalankan menerusi tiga fasa dan dijangka mewujudkan 500,000

peluang pekerjaan baharu dalam ekonomi digital, yang dijangka menyumbang 22.6 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia menjelang 2030.

Menurut beliau, dengan inisiatif tersebut bakal membantu 875,000 perusahaan mikro dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk beralih ke digital melalui e-dagang serta bakal memangkin 5,000 syarikat dalam tempoh lima tahun akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Mahadhir Aziz berkata MDEC akan terus menekankan kepentingan pendigitalan dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai negara digital yang progresif, memajukan ekonomi digital secara inklusif dan menjunjung kedaulatan digital, selaras dengan visi kami serta matlamat Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL).

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbankan SME, Aria Putera Ismail berkata CEDAR bakal menyediakan PKS dengan platform diagnostik baharu dan menarik untuk mengenal pasti penyelesaian terbaik untuk mereka, sama ada dari segi keperluan kewangan, teknologi atau perniagaan.

Bukan itu sahaja, inisiatif ini juga akan menjadi titik permulaan untuk menarik RM70 billion (AS\$17.32 bilion) dalam pelaburan digital antarabangsa dan domestik yang mana kerajaan menyasarkan peningkatan 30 peratus dalam produktiviti menjelang 2030.

Bagi mempercepatkan inovasi, dan penciptaan ekosistem pendigitalan ini, empat projek infrastruktur digital penting di bawah MyDigital perlu diperkuuh dan akan dilaksanakan melalui perkongsian awam-swasta, di mana sektor swasta akan memimpin melalui suntikan modal dan kemahiran.

Sejumlah RM21 billion (AS\$5.2 bilion) akan dilaburkan dalam tempoh lima tahun menerusi pelan infrastruktur digital nasional (JENDELA) bagi mengukuhkan kesalinghubungan sedia ada.

Ini akan mewujudkan kira-kira 105,000 peluang pekerjaan dan usaha itu akan dilaksanakan melalui kenderaan tujuan khas (SPV) di bawah kerajaan Malaysia.





Tokmie Tomyam Station

warung klasik pilihan warga kota



DEEL ANJER

TERLETAK di lokasi 'syurga makanan' Kampung Baru, Kuala Lumpur, Tokmie Tomyam Station semakin menjadi pilihan dalam kalangan warga kota.

Kedai makan yang dibuka sejak awal tahun ini bukan sahaja

menyajikan makanan yang menyelerakan, malah konsep yang diketengahkan pemiliknya cukup menarik dan lain daripada lain.

Pemiliknya, Mohd Azmie Kassim, 56, yang juga dikenali sebagai Tokmie berkata, kedai

makan tersebut berkonseptkan sebuah warung klasik zaman nenek moyang dahulu.

"Tarikan utama warung ini sudah pastilah kepada struktur binaannya daripada kayu dan menggambarkan warung nenek moyang kita dahulu.

"Misalnya makanan di sini dihidangkan dalam talam mengkuang yang sudah tentu mengembalikan kenangan dulu-dulu bersama datuk dan nenek di kampung.

"Sementara hiasan dalaman pula, kami mengetengahkan konsep Melayu seperti alas meja kain batik, tudung saji mengkuang, lesung batu, basikal tua, motosikal vespa dan banyak lagi," katanya.

Menurut Tokmie lagi, warung klasik itu menawarkan lebih 50 menu cita rasa tempatan.

"Antara menu di sini termasuklah aneka tomyam serta sup, masakan panas, kerabu sotong, kerabu Maggi, paprik, ikan masak tiga rasa, ikan masak stim dan banyak lagi.

"Untuk set keluarga, kami ada menyediakan set makanan yang terdiri daripada nasi putih, ikan, telur dadar, tomyam campur, kailan ikan masin, jus buah-buahan dan sebagainya," jelasnya lagi.

Tokmie juga turut menjanjikan keselesaan kepada para pelanggan walaupun kedai makannya itu berkonseptkan warung.

"Walaupun konsep warung, kami tetap mengutamakan keselesaan. Andai kata cuaca panas pun, warung kami tetap sejuk kerana mempunyai kipas yang mencukupi selain kemudahan seperti tandas, surau, parkir yang luas dan sebagainya," ujarnya.

Biarpun dalam keadaan ekonomi negara yang kurang memberangsangkan, Tokmie percaya pelaburan yang dipertaruhkan bakal memberi pulangan lumayan.

"Saya tak kissah berhabis untuk memberikan yang terbaik. Apa yang penting adalah menu

makanan yang digemari ramai serta tempat makan yang selesa.

"Makanan adalah keperluan wajib kita dalam apa jua keadaan. Tinggal lagi saya perlu mempromosi warung ini dan menjaga kualiti makanan," tambahnya.

Tokmie Tomyam Station juga mampu memuatkan seramai 100 orang pada satu-satu masa dan dalam masa yang sama bersedia menjadi lokasi majlis keraian seperti perkahwinan, kenduri kesyukuran dan sambutan hari lahir.

Terletak di 67, Jalan Datuk Abdul Malik, Kampung Baru berhadapan Madrasah Rajaiyah, kedai yang berlatar belakangkan menara berkembar KLCC ini beroperasi setiap hari bermula pukul 4 petang hingga 12 malam manakala sempena Ramadan, waktu operasi dilanjutkan sehingga pukul 3 pagi.

Untuk maklumat lanjut boleh layari laman Facebook dan Instagram Tokmie Tomyam Station. WK



KUMPULAN buskers menghiburkan pengunjung.



TOKMIE menyiapkan sendiri masakan untuk kepuasan pelanggan.



TURUT menarik perhatian golongan selebriti.

Rasai pengalaman hebat berbasikal sejauh 300 km di Wilayah Putrajaya

SABRINA SABRE

Foto: AMIN FARIJ HASAN

PUTRAJAYA Cycling Route (PCR) merupakan salah satu inisiatif PPj di bawah Blueprint Cycling Putrajaya dalam menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Sukan dan Rekreasi.

Penyediaannya meletakkan Putrajaya setanding dengan bandar raya lain yang terkenal di dunia seperti Melbourne, Korea, Amsterdam dan Taipei. Ia diserikan dengan *pit stop* di Anjung Floria yang merupakan kawasan strategik yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai tempat persinggahan atau *pit stop* kepada pengunjung.

Dibangunkan Perbadanan Putrajaya (PPj), penyediaannya juga turut mendapat kerjasama daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Kementerian Belia dan Sukan, Alam Flora Sdn Bhd dan agensi antarabangsa iaitu United Nations Development Programme (UNDP) dan Global Environment Facility (GEF).

Bagi mengetahui lebih lanjut tentang PCR, ikuti temu bual *Wilayahku* bersama Pengarah Rekreasi dan Operasi Jabatan Landskap dan Taman, **L.Ar Asmah Yahaya**.

WILAYAHKU: Apakah objektif utama projek PCR ini?

ASMAH: Antara objektif utama PCR adalah bagi menyediakan peta laluan basikal sebagai panduan kepada penunggang dan penggemar sukan berbasikal terutama pelancong dari dalam dan luar negara.

Penunggang basikal boleh merancang dan membuat pilihan berkaitan laluan yang bersesuaian bagi menjalankan aktiviti berbasikal yang begitu popular di bandar raya ini.

WILAYAHKU: Berapa banyak laluan yang digunakan untuk PCR?

ASMAH: Inisiatif di bawah Blueprint Cycling Putrajaya ini mempunyai 10 laluan berbasikal dengan jumlah jarak keseluruhan 300 kilometer (km).

“ Penunggang basikal boleh merancang dan membuat pilihan berkaitan laluan yang bersesuaian bagi menjalankan aktiviti berbasikal yang begitu popular di bandar raya ini.

Pit stop di Anjung Floria, Presint 4 akan menjadi *pit stop* utama (0.0 km) untuk permulaan dan penamat bagi setiap pilihan laluan penunggang basikal.

Pelancaran Fasa 1 ini melibatkan lapan laluan terlebih dahulu dengan jarak 180 km manakala beberapa laluan lagi sedang diperkemaskan dari aspek kesesuaian dan keselamatan pengguna dengan agensi-agensi lain yang terlibat.

Di samping itu, PPj turut menyediakan enam *pit stop* di sepanjang PCR.

WILAYAHKU: Boleh kongsikan lapan jenis laluan yang terdapat di PCR?

ASMAH: Laluan 1 yang dinamakan Persisiran dengan jarak 10.65 km akan melalui sepanjang persisiran Tasik Putrajaya (*Core Island*). Laluan ini sesuai untuk keluarga dari pelbagai peringkat umur dengan menawarkan panorama Tasik Putrajaya yang begitu mempersona. Penunggang basikal juga akan berpeluang menyaksikan keindahan dan seni bina jambatan yang berbeza sepanjang laluan.

Laluan 3 yang dinamakan Patriot adalah simbolik kepada nama-nama jalan yang dilalui iaitu Jalan Tuanku Abdul Rahman, Persiaran Perdana dan Pusara Negara yang melibatkan jarak



ORANG awam yang melakukan aktiviti berbasikal di Putrajaya boleh berhenti berehat dan bergambar di photo frame @ Menara Seri Wilayah.

sejauh 17.21 km. Laluan ini sesuai kepada pelbagai peringkat umur dan boleh dilalui oleh semua jenis basikal.

Laluan 4 yang dinamakan Laluun Botani membolehkan penunggang basikal menuju dan mengunjungi Taman Botani yang merupakan salah satu taman yang popular di Putrajaya dan dikenali sebagai *Mother Of All Garden*.

Panjang laluan ini adalah sejauh 22 km.

Laluan ke 5 dinamakan Laluan Empangan yang berjarak 30 km. Penunggang yang memilih laluan ini akan berpeluang

melihat keindahan tasik dari sudut pemandangan dan keindahan yang berbeza termasuk kawasan tadahan air bagi Tasik Putrajaya.

Laluan ke 6 dinamakan Laluan Hujan-Hujan. Laluan ini yang berjarak 22 km akan melalui kawasan kejiranan yang landskapnya banyak ditanami dengan pokok hujan hujan yang sekarang membesar rimbun, memberi teduhan dan pemandangan yang unik.

Laluan ke 7 dinamakan sebagai Wetland kerana laluan ini menuju ke Taman Wetland yang merupakan wetland binaan air tawar terbesar di kawasan Tropika dan kaya dengan habitat flora dan fauna. Penunggang yang memilih laluan ini akan berpeluang menikmati keindahan tersebut dengan lebih dekat. Laluan ini hanya sesuai untuk basikal jenis *mountain bike* dan berjarak 28.30 km.

Laluan ke 8 yang dinamakan Laluan Damar dengan jarak 35.80 km merupakan antara laluan yang paling mencabar dalam PCR. Laluan ini menuju ke Taman Rimba Alam yang menempatkan kepelbagaiaan spesies hutan hujan tropika di Putrajaya. Laluan ini hanya sesuai untuk basikal jenis *mountain bike*.

WILAYAHKU: Apakah kemudahan yang disediakan di *pit stop* sepanjang PCR?

ASMAH: Kami menyediakan enam *pit stop* di sepanjang PCR yang dilengkapi dengan pembaikan dan pam basikal (*self-repair station*), tandas awam, *water cooler*, parkir kendaraan, medan selera dan surau serta penunggang basikal akan melalui 25 *checkpoint* yang dipilih berdasarkan pemandangan yang terbaik bagi tujuan berehat dan bergambar.

WILAYAHKU: Apakah faktor pemilihan Anjung Floria Putrajaya di Presint 4 sebagai *pit stop* utama (0.0 km)?

ASMAH: *Pit stop* di Anjung Floria merupakan kawasan strategik dari segi kedudukannya yang berhubung dengan sisiran Tasik Putrajaya, laluan sikal dan pejalan kaki sisiran tasik serta laluan *cruise* di samping menawarkan pelbagai kemudahan asas yang diperlukan oleh penggemar sukan berbasikal terutama dalam acara-acara berkumpulan seperti *Cyclist Cafe*, parkir kereta, tandas awam, surau dan tempat rehat.

Selain daripada berbasikal, pengunjung boleh melakukan pelbagai aktiviti riadah seperti berjalan kaki, berjogging, berkelah, memancing dan berkayak. **W.K**



Aidil pulihkan semangat yang hilang

Raih top 3 MTB Kebangsaan 2022

AINI MAWAWI

BERJAYA menamatkan saingan di tempat ketiga dalam Kejohanan Mountain Bike (MTB) Kebangsaan 2022 kategori lelaki elit, atlet basikal lasak, Muhammad Aidil Taufid Afendi, 23, akur dengan keputusan tersebut setelah hampir dua tahun tidak beraksi di peringkat kebangsaan akibat pandemik COVID-19.



Bersyukur dengan pencapaian pada kejohanan yang berlangsung minggu lalu, Aidil berkata, sememangnya dia berharap tersenarai di

kedudukan tiga teratas untuk kembali mendapatkan momentum terbaik.

"Banyak perkara yang berlaku dalam tempoh ini. Selain daripada pandemik COVID-19, saya akui prestasi kurang menyengat disebabkan latihan yang tidak begitu konsisten memandangkan saya baru sahaja kehilangan ibu.

"Pemergiannya membuatkan saya tertekan serta hilang se-



AIDIL mahu cipta nama diperingkat antarabangsa.

mangat dan sukar untuk kembali bangkit namun apabila memikirkan impiannya untuk melihat saya berjaya dalam bidang ini, perlahan-lahan saya bangun," ujar anak sulung daripada dua orang adik-benradik ini.

Bерmain untuk Burgeon MTB Racing, Singapura, Aidil yang juga atlet MTB Kebangsaan bercita-cita untuk melayakkan diri beraksi pada Kejohanan Piala Dunia bagi mengharumkan nama Malaysia.

"Setakat ini pencapaian terting-

gi saya mendapat tempat kelapan dalam acara lelaki bawah 23 tahun pada MTB Coupe Du Japan Yawatahama 2018. Insya-Allah akan datang lebih banyak lagi kejohanan antarabangsa yang akan saya sertai.

"Saya juga terpilih ke Sukma tahun ini, jadi saya mengharapkan tahun terakhir penyertaan dalam Sukma ini akan membawa kemenangan sekali gus dapat mencipta kenangan yang bermakna," ujarnya lagi.

Pencapaian Muhammad Aidil

2022 - DTCC Classic XCO/MTB Race 2022
- Tempat Kedua acara lelaki elit

2022 - Kejohanan MTB Johor Series 1
- Tempat Ketiga acara lelaki elit

2022 - Kejohanan MTB Kebangsaan Malaysia
- Tempat Ketiga acara lelaki elit

2018 - MTB Coupe Du Japan Yawatahama
- Tempat Kelapan (lelaki bawah 23 tahun)



Bericerita lanjut tentang perkembangan terbarunya, Aidil berkata dia bakal ke Johor Bharu pada penghujung bulan ini untuk menyertai MTB Johor Series yang dijadual berlangsung 25 hingga 26 Mac.

Mengulas tentang lokasi sukan lasak yang terdapat di negara ini, Aidil berkata, atlet sukan lasak di negara ini beruntung kerana Taman Cabaran yang terletak di Putrajaya merupakan lokasi sukan lasak yang setanding negara Eropah.

"Masa hadapan sukan lasak di

negara kita semakin mendapat perhatian dan saya rasa rugi jika kita tidak menggunakan peluang dan ruang yang ada untuk mencungkil bakat baharu dan seterusnya menjadi pelapis atlet yang sedia," ujar atlet profesional ini. WK

Labuan seru pihak kerajaan, swasta bantu kemudahan sukan

KHAIRUL IDIN

SOKONGAN daripada pihak kerajaan dan swasta amat diperlukan bagi menaik taraf kemudahan sukan di sekitar Pulau Labuan demi menyemarakkan semangat kesukanan sekali gus melahirkan atlet berbakat di Labuan.

Menurut Pengurus Perbadanan Labuan, Datuk Seri Amir Hussian, dengan kemudahan serta fasiliti sukan yang lengkap mampu melahirkan atlet yang berdaya saing bukan sahaja di dalam negara bahkan ke per-

sada antarabangsa.

"Kemudahan dan fasiliti sukan di Labuan agak jauh ketinggalan berbanding tempat lain dan kita sangat mengharapkan pihak kerajaan mahupun swasta dapat membantu kita dalam menyediakan fasiliti yang lebih lengkap dan terkini.

"Saya yakin dengan bantuan tersebut, anak muda di Labuan lebih teruja dan semangat kesukanan akan dapat diterapkan dalam jiwa mereka seterusnya melahirkan lebih ramai atlet pelapis pada masa akan datang," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, selain membentuk warga Labuan yang berdaya saing dalam bidang sukan, kelengkapan yang ada juga dapat membantu melahirkan masyarakat setempat yang lebih sihat," ujar beliau sejurus menyampaikan sumbangan peralatan sukan di Kampung Gersik dan Kampung Durian Tunjung baru-baru ini.

Sumbangan tersebut merupakan sumbangan peribadi dalam usaha memeriahkan arena kesukanan dalam kalangan warga pulau tersebut bertetapan dengan slogan 'Hebatkan Labuan'. WK



AMIR (tengah) menyampaikan sumbangan peralatan sukan kepada Ketua Kampung Gersik, baru-baru ini.



PARA pelajar teruja menimba ilmu dalam seni persilatan.

Silat sukan teras sejak 2010

DALAM usaha melahirkan bakat-bakat baharu dalam silat olahraga, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Titiwangsa, Kuala Lumpur menjadikan silat sebagai satu sukan teras di sekolah tersebut sejak ia dinaik taraf pada tahun 2010.

Menurut Jurulatih Sukan Silat Olahraga Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Titiwangsa, Hazli Adnan, memandangkan sekolah tersebut memfokuskan pembangunan sukan silat maka objektifnya lebih tertumpu kepada melahirkan atlet-atlet baharu.

"Kita berusaha mengetengahkan mereka ke peringkat kebangsaan seterusnya mencipta kejayaan ke peringkat lebih

tinggi sebagai contoh tiga orang pelajar kita pernah bergelar juara Remaja Dunia.

"Bagi mereka yang betul-betul layak, kita didik daripada akar umbi dan yang layak akan diserap menyertai atlet pelapis tim elit kebangsaan," ujarnya yang melahirkan rasa bangga apabila dua orang atlet didikannya sudah pun berada dalam tim senior.

Pembangunan sukan silat untuk pelajar di sekolah tersebut bermula tingkatan satu hingga lima. Mereka akan diberikan kemudahan asrama bagi menjalani sesi akademik dan latihan sukan sebanyak dua sesi iaitu pada sebelah pagi dan petang. WK



Penarafan 5 bintang Rosa-sinensis

Dua taman awam KL terima anugerah

TAMAN Botani Perdana dan Taman Tasik Titiwangsa di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerima anugerah penarafan 5 bintang Rosa-sinensis sempena Hari Lanskap Negara 2022.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menyifatkan anugerah tersebut sebagai bukti Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi di bawahnya serius dalam memuli-hara taman-taman awam di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

“Saya bersyukur kerana DBKL telah mendapat dua anugerah, dan kita berharap pada tahun hadapan, dapat menggondol semua anugerah.

“Banyak tempat yang kita kenal pasti sebagai tempat taman awam, termasuk di Putrajaya dan Labuan. Untuk itu, kita akan perindah lagi dengan landskap menarik dan dengan cara tersebut, kita boleh mendapat semua anugerah pada tahun hadapan,” katanya kepada *Wilayahku* selepas Sambutan Hari Lanskap Negara 2022 di Taman Bandar Ekoflora dekat Johor Bahru pada Sabtu.

Perasmian Hari Lanskap Negara 2022 disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan turut dihadiri Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT), Datuk Seri Reezal Marican Naina Marican, Menteri Besar Johor, Datuk Seri Hasni Mohamad, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah.



Shahidan (tengah) bersama pengurusan kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selepas menerima anugerah.

Turut hadir, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Anugerah penarafan 5 Rosa-sinensis sebagai satu inisiatif penarafan kepada taman awam dan kawasan hijau yang dirancang, dibangun dan diurus secara komprehensif yang memenuhi fungsi pembangunannya.

Menurut Shahidan, apabila taman-taman awam di Wilayah Persekutuan dibangunkan dengan landskap yang menarik, ia boleh menjadi tumpuan warga tempatan untuk beriadah selain menarik kedatangan pelancong tempatan dan luar negara sekali gus boleh merancakkan ekonomi di kawasan setempat.

Sementara itu, Mahadi menyifat-

kan anugerah yang diterima untuk dua taman awam di bawah DBKL sebagai berharga dan penting kerana anugerah tersebut diuruskan oleh Jabatan Lanskap Negara (JLN) dan meningkat keseluruhan taman-taman awam yang ada di seluruh negara.

“Kita telah memperolehi dua pengiktirafan daripada JLN, jadi ini satu pencapaian yang hebat dan membanggakan. Saya mohon juga kepercayaan yang diberikan ini akan dikekalkan dengan standard yang diamalkan.

“Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua pegawai dan kakitangan DBKL yang terlibat secara langsung dengan penjagaan, perancangan dan pembangunan taman-taman awam



PERDANA MENTERI, DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB (TENGAH) MENYampaIKAN ANUGERAH KEPADA DATUK BANDAR KUALA LUMPUR, DATUK SERI MAHADI CHE NGAH.

di Kuala Lumpur,” katanya yang turut berikrar untuk terus menjaga dan memelihara taman-taman awam di ibu negara sebagai khazanah berharga negara.

Mahadi berkata, perancangan DBKL pada masa depan mestilah mempertahankan penarafan yang diterima selain persaingan akan menjadi lebih sengit disebabkan anugerah tersebut diuruskan oleh JLN sendiri.

“Saya yakin, persaingan akan datang menjadi semakin sengit dan kita tidak boleh setakat di sini sahaja. Seboleh-bolehnya, kita mesti terus unggul dan terus menjaga kemenangan ini. Saya tidak pasti sama ada kita dapat bertahan dengan kejayaan ini, saya yakin PBT lain

akan bersungguh-sungguh mencuba sedaya upaya untuk menaik taraf taman-taman awam di bawah kendalian mereka untuk memenangi anugerah yang sama.

“Namun, seperti biasa kita tidak boleh alpa dan mesti terus bekerja dengan lebih kuat sekali gus mempertahankan penarafan ini dan kita juga menyasarkan beberapa taman awam yang lain di ibu kota untuk turut tersenarai dalam penarafan 5 Rosa-sinensis ini.

Tambahnya, Perdana Menteri sempat berkata akan meluangkan masa untuk memantau dan menggunakan taman-taman ini dan mengaharapkan DBKL akan terus menjaga dan membela taman-taman awam ini. **WK**

Sikap pengotor, sampah sarap punca banjir kilat - Ayu Damit

DEEL ANJER

SEJAK akhir-akhir ini, sudah beberapa kali banjir kilat melanda Kuala Lumpur.

Setiap kali banjir, pasti akan timbul episod saling menyalahkan dan menuduh kelemahan kerajaan sebagai punca berlakunya bencana alam tersebut.

Namun, adakah mereka sedar bahawa sikap pengotor dan suka membuang sampah di merata-rata tempat boleh menyebabkan banjir berlaku?

Penyanyi popular **Ayu Damit** atau nama sebenarnya Norayu Damit, 33, berpendapat sikap pengotor seperti membuang sampah sarap di merata-rata tempat antara punca banjir.

“Bagi saya, tidak dinafikan ramai yang sedar akan kepentingan kebersihan alam sekitar. Kesedaran ini telah dipupuk sejak

sekolah rendah lagi.

“Namun masih ada yang suka membuang sampah sesuka hati mereka tanpa rasa bersalah.

“Mungkin mereka selesa dengan sikap pengotor yang bukan sahaja menyusahkan dirinya tetapi juga masyarakat.

“Buktinya, video tular yang menunjukkan air banjir di kawasan Kuala Lumpur dipenuhi sampah sarap. Itu jelas berlaku di hadapan mata,” katanya.

Menurut Ayu lagi, apabila sampah sarap terkumpul dan disusuli hujan lebat akan menyebabkan berlakunya banjir kilat.

“Sistem saliran tersumbat berpunca daripada sampah sarap dan sisa binaan. Inilah antara sebab air hujan tak dapat mengalir ke sungai.

“Jadi ambillah pengajaran daripada apa yang berlaku. Jika sikap tidak berubah, ma-

ka agak sukar untuk kita atasi masalah ini.

Asal hujan sahaja, pasti banjir,” katanya yang sedih melihat banyak kenderaan rosak disebabkan pemilik tidak sempat bertindak apabila banjir kilat berlaku.

Situasi ini menambahkan lagi beban masyarakat yang baru bangkit daripada kesukaran hidup akibat pandemik COVID-19.

“Masih belum terlambat untuk kita ubah sikap demi kebaikan bersama.

“Teruslah menjaga kebersihan dan tidak membuang sampah sesuka hati kerana itu antara penyumbang kepada kejadian banjir kilat,” tambahnya lagi. **WK**

